

Jilid 1
Bil. 98



Hari Isnin
30hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 16085]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 16134]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.49 dan B.50 [Ruangan 16135]

Maksud B.51 dan B.52 [Ruangan 16153]

Maksud B.53 [Ruangan 16188]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.49 dan P.50 [Ruangan 16135]

Maksud P.51 dan P.52 [Ruangan 16153]

Maksud P.53 [Ruangan 16188]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.H.J., D.P.M.S., P.C.M. A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh. TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALL, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah),
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan),
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran),
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., p.i.s. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK Mmi (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi),
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- .. PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting; Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 30hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

GURU SEMENTARA DI
SEKOLAH RENDAH
KEBANGSAAN/JENIS
KEBANGSAAN

1. **Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru sementara di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) dan (T); dan
- (b) bagi guru-guru sementara yang masih berusaha untuk memperolehi kepujian dalam Bahasa Malaysia, apakah prospek mereka terus diambil mengajar, khususnya di SRJK(C) dan SRJK(T), memandangkan mereka lebih berpengalaman.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru-guru sementara tanpa latihan di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan adalah seperti berikut:

<i>Jenis Sekolah</i>	<i>Bitangan</i>
Sekolah Rendah Kebangsaan dan sekolah Rendah Jems Kebangsaan	9,838 orang
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina)	4,689 ..
Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil)	1,399 ..

Guru-guru sandaran tanpa latihan yang tidak mempunyai kepujian dalam bahasa Malaysia tetapi sudahpun mempunyai pengalaman mengajar akan terus dilantik untuk mengajar dengan kebenaran khas sekiranya bilangan calon-calon yang berkelayakan dan terlatih tidak mencukupi.

Dr Ting Chew Peh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui apakah kelayakan yang diperlukan iaitu kelayakan dari segi pencapaian akademik dan juga dari segi pengalaman mengajar sebelum guru-guru sandaran itu dapat diterima untuk menjalani latihan perguruan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia Barat semua calon-calon yang akan diambil untuk dilatih menjadi guru ialah mesti memperolehi empat kepujian dalam mata pelajaran SPM, diantaranya satu mata pelajaran Bahasa Malaysia mesti dapat kepujian.

Di Sabah dan Sarawak, mereka hanya dikehendaki mempunyai dua kepujian di dalam mata pelajaran di peringkat SPM dan Bahasa Malaysia hendak lulus sahaja.

Tuan Mohamed bin Haji Isa: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap tadi kita dengar Yang

Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dan didapati begitu ramai guru-guru sandaran yang diambil dari semua jenis sekolah sama ada Sekolah Kebangsaan atau Jenis Kebangsaan. Jadi, saya ingin tahu adakah guru-guru sandaran ini, pihak Kementerian bercadang untuk memberi latihan akademik kepada mereka dan berapa lamakah tempoh perkhidmatan sebagai guru sandaran yang patut diberi pertimbangan oleh Kementerian untuk mereka ini menerima latihan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah cara ataupun usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah guru-guru sandaran ini begitu ramai yang diambil oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua guru-guru sandaran yang mempunyai kelayakan seperti saya sebutkan tadi akan dapat menerima latihan di maktab perguruan ataupun di kursus dalam cuti dan pada masa sekarang guru-guru sandaran yang berpengalaman terus menerus mengajar lebih dari dua tahun ada peluang untuk memasuki ke maktab perguruan atau memasuki kursus dalam cuti. Dan kita ada rancangan untuk memendekkan kelayakan ini sampai ke satu tahun dan pada masa sekarang Kementerian Pendidikan ada buat satu rancangan untuk mengambil lebih banyak guru-guru dan calon-calon untuk memasuki semua maktab-maktab perguruan. Dan kita telah tambah pengambilan guru-guru di semua maktab.

LAGU PERMINTAAN DI RADIO—BAYARAN

2. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji mengenakan bayaran yang minimum atas lagu-lagu permintaan yang disiarkan melalui Radio;

memandangkan terlampau banyak permintaan lagu dan tidak terlayan kesemuanya oleh Radio Malaysia. Ini adalah sebagai satu sumber pendapatan Kerajaan, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jattrey): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Penerangan belum lagi mengenakan apa-apa bayaran kepada rakyat yang mengambil bahagian dalam rancangan lagu-lagu permintaan dalam Radio. Semua permintaan lagu-lagu dalam semua rangkaian adalah dibuat secara percuma dan dilayan dengan seberapa baik yang boleh, walaupun jumlah permintaan-permintannya adalah amat banyak sekali. Saya akui cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang agar Kerajaan mengenakan bayaran minima atas lagu-lagu permintaan adalah baik kerana ianya akan mendatangkan hasil kepada Kerajaan. Namun begitu, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa sebarang usaha untuk mengenakan bayaran bagi rakyat meminta lagu bagi rancangan-rancangan lagu permintaan Radio haruslah dikaji dan diteliti dengan sedalam-dalamnya sebelum ianya boleh dilaksanakan.

Saya ingin juga memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini sedang menimbangkan satu rancangan lagu-lagu permintaan khas di rangkaian Radio. Rancangan ini bertujuan untuk melibatkan rakyat jelata di dalam masalah-masalah kebajikan untuk rakyat sendiri dan untuk negara. Kementerian telahpun menimbangkan cadangan bagi membantu Kerajaan untuk menghadapi masalah penyalahgunaan dadah dan masalah bencana alam terutamanya masalah mangsa banjir. Kementerian merasa wajar agar rakyat melibatkan diri secara langsung dengan masalah-masalah yang ada hubung kaitnya dengan rakyat sendiri, kerana masalah

dadah dan bencana alam adalah masalah rakyat. Walaupun Kerajaan bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah-masalah itu, rakyat sendiri tidak harus bersikap bahawa masalah tersebut adalah tanggungjawab Kerajaan semata-mata dan menyerahkan segala-galanya kepada Kerajaan. Jikalau rakyat dapat berganding bahu dan berkerjasama dengan Kerajaan, maka sebarang masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara akan dapat diselesaikan dengan lebih baik dan lebih berkesan lagi. Oleh itu, Kementerian ini telah mengemukakan cadangan untuk mewujudkan suatu rancangan lagu permintaan khas dan mengenakan bayaran satu ringgit bagi tiap-tiap satu lagu yang diminta dan segala pungutan dari rancangan ini akan diserahkan kepada Tabung Bencana alam, Tabung Kebajikan Negara bagi maksud membantu usaha-usaha Kerajaan dalam menghadapi masalah seperti penagihan najis dadah dan masalah-masalah seperti banjir dan sebagainya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi iaitu ada rancangan khas untuk mengenakan bayaran kepada orang-orang yang meminta lagu-lagu. Sekarang ini saya ingin bertanya di sebaliknya pula, apakah pula ataupun adakah apa-apa bayaran dibuat kepada penyanyi-penyanyi yang lagunya disiarkan. Ahli Yang Berhormat sedia maklum, orang seni penyanyi-penyanyi ini banyak yang hidupnya sebagai lilin iaitu orang lain terhibur tetapi setengah daripada mereka terduka. Jadi, saya ingin bertanya, adakah dalam rancangan khas ini, bayaran diberikan pula kepada penyanyi-penyanyi yang lagunya disiarkan?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kepada penyanyi-penyanyi yang lagu-lagunya disiarkan, kita tidak

memberi apa-apa. Tetapi dengan memainkan lagu-lagu, para penyanyi yang telah merekodkan lagu mereka ke tape atau piring hitam, itu merupakan satu promotion bagi penyanyi-penyanyi tersebut. Kita tidak berikan apa-apa.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semua orang tentu berterima kasih dan menghargai pihak RTM yang telah membuat keputusan tidak mengenakan bayaran kepada lagu-lagu permintaan. Walau bagaimanapun, pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mencadangkan untuk diadakan satu rancangan lagu permintaan khas. Jadi, dalam konteks ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat iaitu kita semua sedar bahawa pendengar-pendengar Radio mempunyai cita rasa yang tersendiri, yang berlainan di antara satu orang dengan satu orang yang lain. Adakah pihak RTM akan memberi waktu-waktu atau bilangan permintaan yang tertentu kepada lagu-lagu yang dipecahkan kepada beberapa bahagian, umpamanya permintaan lagu-lagu moden dan rancak dalam satu rancangan, lagu-lagu asli, lagu-lagu nasyid dan lagu-lagu keperwiraan.

Soalan yang kedua ialah adakah pihak Yang Berhormat Menteri mencadangkan satu rancangan khas yang saya fikir sangat baik iaitu permintaan khas dari pendengar untuk tilawatul Quran atau membaca Quran sebab sekarang ini belum ada rancangan yang seumpama itu.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kedua-dua pertanyaan ini merupakan satu permintaan yang agak menyeluruh dan sama ada baik atau tidaknya, itu perlu kita kaji bagi pihak Kementerian kami, Jadi, buat sementara ini, tidak dapat saya berikan kata putus di sini.

BAYARAN PERUBATAN

3. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejak kenaikan bayaran perubatan, berapakah wang yang telah dipungut dari orang ramai dari:

- (i) Semenanjung Malaysia
- (ii) Sarawak; dan
- (iii) Sabah

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, kadar bayaran perubatan di bawah Perintah Fee Perubatan, 1982 telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia mulai pada 1hb Disember, 1982. Kadar baru ini telah diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak mengikut Perintah Fee Perubatan (perluasan ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak) pada 1985, mulai pada 1hb Februari, 1985.

Hasil yang dikutip sejak Perintah Fee Perubatan 1982 dilaksanakan di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Kutipan</i>
1983 .. .	\$22,091,980.61
1984	\$22,781,839.76
1985	\$23,769,053.77
1986	\$23,739,686.61
	<u>\$92,382,560.67</u>

Hasil yang dikutip di Sabah, termasuk Labuan dan Sarawak adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
1985 ..	\$2,360,954.33	\$2,458,138.24
1986 ..	\$2,514,232.95	\$2,681,510.36
	<u>\$4,875,187.28</u>	<u>\$5,139,648.60</u>

Tuan Lee Lam Thye: Soalar tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa hasil yang dikutip sejak Perintah Fee Perubatan 1982 yang dikutip di Semenanjung Malaysia berjumlah lebih kurang \$92.4 juta dari 1983-1986. Izinkan saya bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, sejauh mana hasil kutipan ini digunakan untuk memperbaiki perkhidmatan perubatan di negara kita?

Yang kedua, saya juga suka mendapat penjelasan dari Yang Berhormat sama ada terdapat apa-apa peruntukan dalam Perintah Fee Perubatan 1982 yang membolehkan para pesakit miskin dan tidak berkemampuan untuk memohon supaya bayaran dapat dikecualikan?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama berkaitan sejauh manakah dari segi kutipan kita dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat, kalau saya bacakan angka ini kepada Dewan, kita tentu tahulah pihak Kerajaan sudah mengsubsidiakan beberapa banyak untuk kita memberikan rawatan kepada rakyat kita.

Perbelanjaan untuk hospital di seluruh negara kita — pada tahun 1984 sebanyak \$569.4 juta telah dibelanjakan dan kita cuma dapat kutipan hasil sebanyak \$22.7 juta. Pada tahun 1985 sebanyak \$619.7 juta dan kita cuma kutip sebanyak \$23.7 juta. Untuk tahun 1986 kita telah **membelanjakan sebanyak \$674.0 juta** dan kita cuma dapat kutip sebanyak \$23.7 juta.

Dari angka-angka ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini telah mengsubsidiakan beberapa banyak peruntukan untuk memberi perkhidmatan rawatan yang baik, yang ada taraf kepada seluruh rakyat kita.

Soalan yang kedua berkaitan dengan pengecualian untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Itu kita memang ada bagi pihak hospital, bagi pusat-pusat kesihatan. Jikalau masih ada mereka yang dirawat yang berpendapatan rendah dan tidak mampu, kita boleh memberi pengecualian kepada mereka.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Kesihatan, daripada hasil-hasil pendapatan bayaran perubatan dan rawatan tadi, bolehkah pihak Kerajaan membeli ubat yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang sebab akhir-akhir ini ubat kita adalah berkurangan nampaknya, dibekalkan kepada Panadol sahaja. Bolehkah atau tidak pihak Kementerian Kesihatan bagi mereka yang menganggur—tadi miskin, ini menganggur, tidak ada kerja langsung—dikecualikan daripada bayaran perubatan dan rawatan. Bolehkah satu lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, cukup.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan antara ubat yang kurang dan ubat yang tidak bermutu. Jikalau ubat itu kurang, tentu kita boleh hantar. Tidak dapat dipastikan bahawa ubat-ubat yang kita bekalkan sekarang kepada pusat-pusat kesihatan dan juga hospital-hospital adalah ubat-ubat yang tidak berapa bermutu. Jikalau ada bukti-bukti, tentulah kita akan boleh buat siasatan. Setakat hari ini kita boleh mengatakan bahawa ubat-ubat yang kita bekalkan itu adalah sampai kepada standard yang kita harap-harapkan.

Soalan kedua, untuk mengecualikan bayaran kepada penganggur-penganggur. Ini kita akan beri pertimbangan tetapi saya tidak dapat memberi satu keputusan sekarang oleh kerana ini menyebabkan kewangan

dan kalau kita cakap hal kewangan tentu akan melibatkan beberapa agensi Pusat.

**CUKAI JALAN/LESEN
PEMANDU PALSU**

4. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pengangkutan menyatakan satu masa dahulu kita ada mendengar pendedahan cukai jalan palsu, lesen pemandu palsu yang dikeluarkan oleh satu sindiket; sejauh manakah keberkesanan tindakan Kerajaan bagi menghapuskannya dan setakat hari ini berapa banyak dapat dikesan dan apakah langkah-langkah lanjut untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang berkesan untuk membentasi kejadian cukai jalan palsu dan lesen pemandu palsu dikeluarkan oleh sindiket-sindiket.

Pada pertengahan tahun ini satu sindiket pemalsuan cukai jalan telah dapat dikesan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis. Pihak Polis telah berjaya membuat serbuan serta tangkapan ke atas sindiket dan penyiasatan yang dijalankan menunjukkan sindiket tersebut telah memalsukan cukai jalan, tetapi tidak berjaya meniru ciri-ciri keselamatan cukai jalan dengan sepenuhnya. Sindiket tersebut hanya dapat meniru format cukai jalan. Ini disebabkan oleh kerana cukai jalan yang digunakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan sukar ditiru.

Selain dari itu, pihak Polis telah juga berjaya merampas lebihkurang 3,000 helai cukai jalan palsu yang kosong dalam satu serbuan yang dijalankan. JPJ juga menahan cukai jalan palsu melalui penyiasatan di jalan raya

semasa penguatkuasaan ataupun apabila pemilik kenderaan sendiri menyerahkan cukai jalan yang diragukan palsu untuk pengesahan oleh JPJ. Bilangan kes pemalsuan cukai jalan yang dikesan oleh JPJ antara bulan Januari hingga Jun tahun 1987, menurut cara-cara yang disebutkan tadi adalah seperti berikut:

Wilayah Persekutuan ..	118
Selangor	96
Negeri Sembilan ..	14
Melaka	4
Pahang	2
Johor	2
Negeri-negeri lain ..	—
Jumlah ..	236

Berhubung dengan pemalsuan lesen memandu, sebenarnya lesen memandu berlapis tidak dapat dipalsukan setakat ini kerana ciri-ciri keselamatan serta mutu lesen memandu berlapis tersebut yang tinggi. Percubaan memalsukan dokumen-dokumen untuk memproses dan mendapatkan lesen memandu telah juga dikesan tetapi bilangannya adalah sangat kecil dan keadaannya dapat dikawal.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Dewan ini diberitahu berdasarkan sejumlah 236 cukai jalan dipalsukan, kalau ditukar dalam bentuk kewangan berapa nilainya?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat dalam masa ini memberikan jumlah itu kerana ianya berlainan iaitu ada di antaranya lesen cukai kereta motor, ada di antaranya lori dan ada di antaranya motosikal dan sebagainya. Jadi terpaksa dikira satu persatu tetapi kalau Yang Berhormat ingin juga akan maklumat itu, saya minta notislah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai bagaimana sindiket ini boleh beroperasi, sama ada ianya mendapat kerjasama dari dalam ataupun melalui agensi-agensy insurans?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, ternyata bahawa sindiket ini sendiri, sebab saya katakan tadi dia hanya boleh meniru bentuknya sahaja, kerana kalau ada daripada dalam bererti ciri-ciri keselamatan yang lain juga dia dapat meniru.

DASAR PERHUTANAN NEGARA —PEMBABITAN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA TIMUR

5. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tangkai-langkah dan usaha Kementerian untuk membabitkan negeri-negeri di Malaysia Timur sepenuhnya dalam pelaksanaan Dasar Perhutanan Negara untuk mendapatkan kesan yang positif terhadap ekonomi dan sosio-ekonomi masyarakat di negara ni dalam jangka masa panjang, terutama bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai tanggungjawab sendiri untuk mengurus dan membangunkan sektor perhutanan mereka. Namun demikian, Sabah dan Sarawak adalah menjadi ahli Majlis Perhutanan Negara dan ikut melaksanakan beberapa program yang terkandung dalam Dasar Perhutanan Negara. Di antara kesannya ialah menubuhkan Hutan Simpan Kekal untuk tujuan pemeliharaan dan pengurusan sumber hutan yang berkekalan. Jumlah keluasan Hutan

Simpan Kekal ini ialah 3.35 juta hektar bagi negeri Sabah iaitu 74.4% daripada keluasan hutan di negeri itu dan 4.6 juta hektar bagi negeri Sarawak iaitu 53.8%. Bagi Taman Hutan pula termasuk Taman Negara dan Hidupan Liar, keluasan kawasan ialah 247,187 hektar di Sabah dan 252,962 hektar di Sarawak.

Di samping itu, usaha-usaha pembangunan, pemulihan dan juga pemeliharaan hutan telah dijalankan di Sabah dan Sarawak. Sehingga ini Sabah telah menubuhkan ladang hutan seluas 45,000 hektar di kawasan-kawasan yang telah dibalak dan kawasan-kawasan tebang pindah atau shifting cultivation, dengan izin. Baru-baru ini Bank Dunia telah meluluskan pinjaman berjumlah \$16.25 juta untuk projek ladang hutan di Sabah. Negeri Sarawak pula telah membelanjakan lebih \$7 juta untuk pemulihan dan menghutankan semula sejumlah 1,800 hektar ladang hutan telah dimajukan sendiri dengan sumber kewangan negeri itu. Kerajaan Sabah dan Sarawak juga menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan kayu kayan untuk mencapai nilai tokok.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan tentang kawasan-kawasan yang telah ditebang pindah ataupun yang telah ditinggal akibat shifting cultivation. Pertama, saya ingin tahu adakah praktis ini masih berleluasa khususnya di Sabah dan Sarawak ataupun di Semenanjung Malaysia?

Kedua, apakah tindakan Kerajaan untuk menukarkan praktis ini kepada satu praktis pertanian yang lebih tetap?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, amalan shifting cultivation ini, dengan izin, masih lagi menjadi satu amalan biasa bagi penduduk-penduduk native di Sabah dan Sarawak

tetapi di Semenanjung Malaysia amalan ini telah dihentikan lama dahulu dan tidak ada lagi amalan seperti ini di Semenanjung. Cara Kerajaan untuk menghentikan amalan ini ialah dengan memberi pendidikan dan penerangan kepada masyarakat yang mengamalkan pertanian secara ini tetapi seperti Yang Berhormat sendiri barangkali maklum, bahawa adalah sukar untuk mengubah cara hidup masyarakat yang berpindah-randah ini dan saya rasa kesan daripada nasihat-nasihat yang dibuat oleh pihak-pihak Kerajaan akan mengambil masa yang lama sebelum kita lihat kesannya.

Mengenai tindakan Kerajaan untuk mengurangkan kerosakan daripada kerja-kerja pertanian secara shifting cultivation ini, beberapa langkah tertentu telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan sejak akhir-akhir ini amalan ini kelihatan berkurangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir).

MAJLIS SUKAN NEGERI— BANTUAN

7. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan banyak manakah bantuan kewangan diberi kepada Majlis Sukan Negeri-negeri dan apakah dia jenis bantuan dan galakan yang diberi kepada Majlis Sukan Negeri dalam usaha memajukan sukan negara.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, sejak dari bulan Januari hingga bulan September, 1987, Majlis Sukan Negara telah memberikan bantuan kewangan sebanyak \$14,672.00 kepada Majlis Sukan Negeri Kelantan,

Terengganu, Johor dan Perlis. Bantuan ini adalah untuk mendapatkan perkhidmatan Setiausaha Kerja sepenuh masa bagi melicinkan pentadbiran Majlis Sukan Negeri. Tawaran untuk mendapatkan perkhidmatan Setiausaha Kerja sepenuh masa ini telah pun dibuat kepada semua Majlis Sukan Negeri dalam usaha untuk meningkatkan lagi urusan pentadbiran masing-masing. Setakat ini Majlis Sukan Negara masih belum lagi membuat bantuan kewangan secara langsung berhubung dengan kerja-kerja atau program-program pembangunan sukan. Namun demikian, adalah menjadi cita-cita pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara Malaysia untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti Majlis Sukan Negeri melalui program-program yang tersusun.

Seperti mana yang dimaklumkan, sejak daripada penyusunan semula Majlis Sukan Negara, program-program yang dilaksanakan adalah bersifat kebangsaan dan secara beransur-ansur program di peringkat negeri akan dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri. Peringkat pertama kerjasama ini ialah memperkemas pentadbiran Majlis Sukan Negeri.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, selalu kita dengar bahawa pemimpin-pemimpin kita termasuk juga kita sendiri sebagai Ahli Parlimen mengatakan bahawa kalau rakyat generasi muda melibatkan diri dalam aktiviti kesukanan lebih giat, maka ini akan menjauhkan mereka daripada terdorong untuk terlibat dalam kerja-kerja yang tidak baik.

Sudahkah pihak Kementerian membuat kajian yang mendalam mengenai kesan penglibatan generasi kita dalam sukan ini dari segi menjauhkan mereka daripada melibatkan diri daripada aktiviti-aktiviti yang tidak baik?

Yang keduanya, terdapat juga bahawa yang terlibat dengan sukan malah ahli sukan yang cergas pun terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Sejauh manakah setakat ini pihak Kementerian telah dapat meneliti dan dapat menepati mereka yang telah terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini di kalangan mereka yang terlibat dalam aktiviti sukan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal kerana soalan asal berkenaan pentadbiran Majlis Sukan Negeri. Namun demikian, pihak Kementerian sentiasa menggalakkan kegiatan sukan secara sukan "mass participation", dengan izin. Tetapi ini sukan untuk kecemerlangan adalah dalam bidang tugas Majlis Sukan Negara. Sukan untuk mass participation adalah di bawah Bahagian Sukan, Kementerian Belia dan Sukan.

Berkenaan dengan ahli-ahli sukan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, ini adalah satu perkara yang serius. Kalau mereka dikesan, mereka boleh disekat daripada mengambil bahagian dalam sebarang pertandingan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut sekalilah dengan kenyataan Menteri Belia dan Sukan Negara yang mengatakan iaitu dah pada Januari hingga September, 1987, Kementerian telah membelanjakan \$14,632.00. Saya sangkakan \$14 juta, tetapi mungkin saya salah dengar. Untuk Kelantan, Johor dan Perlis peruntukan ini amat kecil sekali. Saya ingat kalau satu kawasan JKK pun tidak sempat kita belanjakan peruntukan wang yang sebanyak ini.

Soalannya, adakah Menteri sedar bahawasanya untuk memajukan sukan ini dia memerlukan kepada kemudahan-kemudahan yang baik sedangkan kemudahan-kemudahan di

tiap-tiap negeri amatlah menyedihkan. Umpamanya mengadakan Setiausaha Kerja di Majlis Sukan Negeri pun baru tiga, belum ada lagi yang dapat. Ini minta penjelasan.

Keduanya, bolehkah atau tidak dewan-dewan, kalau dahulunya Menteri memanggil Pusat Pelbagai Guna, datang Menteri lain ditukar kepada nama Tepian Gelanggang dan Menteri Sukan ini saya tidak tahu, belum ditukar lagi namanya. Boleh atau tidak dewan-dewan ini digunakan untuk maksud-maksud sukan seperti sepak takraw, badminton dan lain-lain indoor games, kerana apa yang saya tahu di Kedah dan Perlis, dewan-dewan ini hanya sebagai hiasan, lantailantainya berkilat, khususnya disimpan untuk lawatan Menteri-menteri dan pembesar-pembesar sedangkan gunanya tidak dibenarkan langsung. Cara hendak memajukan sukan ialah berilah kebenaran untuk kita gunakan apa yang dinamakan Dewan Pelbagai Guna. Boleh atau tidak boleh?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, daripada keterangan Ahli Yang Berhormat itu agaknya kurang tepat sedikit dan barangkali pandangannya agak sinis sedikit. Sebenarnya Setiausaha Kerja dibekalkan kepada semua Majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Negeri yang lain sedang mengambil tindakan untuk melantik Setiausaha Kerja masing-masing. Angka yang saya berikan iaitulah dari segi bantuan terus kepada Majlis Sukan Negeri, tetapi bantuan yang lebih besar lagi nilainya, lebihkurang \$6 juta pada tiap-tiap tahun diberikan kepada Persatuan-persatuan Kebangsaan dan melalui Persatuan Kebangsaan disalurkan kepada kegiatan di peringkat negeri. Jadi, apa yang digambarkan tadi itu agaknya kurang tepat dan dari segi kegiatan Gelanggang Budaya—sekarang ini nama sebenarnya, memang sentiasa

kita galakkan. Ini terpulang kepada sejauh mana kecergasan Majlis Sukan Negeri dan persatuan-persatuan di peringkat negeri. Masalahnya bukan sahaja kewangan tetapi daya pimpinan harus dipertingkatkan juga.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan angka dalam bahagian (a), di sana tercatit \$2,000,000.00. Yang sebenarnya \$200,000.00.

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

PINJAMAN PELAJARAN MARA

8. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejak kadar pinjaman baru dinaikkan kepada \$200,000.00 berapakah jumlah pinjaman telah dikeluarkan;
- (b) nyatakan jumlah pinjaman perniagaan/perusahaan yang masih belum dikutip dan apakah pula usaha bagi memungut hutang-hutang tertangguh ini; dan
- (c) nyatakan jumlah pinjaman pelajaran MARA yang masih belum dapat dituntut lagi hingga masa kini; dan apakah tindakan bagi menuntut balik pinjaman tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bio Jamrah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebelum Julai 1987, polisi pengeluaran pinjaman MARA adalah setakat \$50,000. Dengan adanya keperluan untuk meningkatkan had pinjaman ini, keputusan telah dibuat untuk menaikkan kepada \$200,000 bagi peminjam-peminjam kontrak binaan sahaja. Ia berkuatkuasa pada

31hb Julai 1987. Sehingga kini kita dapat permohonan sebanyak 10 orang tetapi belum lagi dipertimbangkan dan belum ada lagi keluaran pinjaman yang mencapai had itu.

- (b) Sehingga 31hb Ogos, 1987 baki pinjaman adalah sebanyak \$161,290,517 yang melibatkan 38,545 orang peminjam. Jumlah yang bertunggakan pada tarikh yang sama adalah sebanyak \$145,474,183 melibatkan 37,693 orang peminjam.

Tindakan MARA ke atas pinjaman bertunggakan di antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Mengeluarkan surat-surat peringatan.
 - (ii) Mengeluarkan surat-surat notis tuntutan.
 - (iii) Menjalankan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian dengan kedudukan dan cagaran peminjam-peminjam berkenaan.
- (c) Sehingga 30.9.1987 jumlah pinjaman pelajaran yang perlu dituntut ialah sebanyak \$122,105,258. Dari jumlah berkenaan sebanyak \$20,008,000 adalah merupakan tunggakan yang melibatkan 7,024 peminjam. Tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil untuk menuntut bayaran balik pinjaman tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Mengemukakan jadual bayaran balik sebaik sahaja pelajar tersebut melaporkan diri setelah menamatkan pengajian.
 - (ii) Menghantar surat-surat peringatan kepada peminjam dan

salinannya kepada penjamin-penjamin.

- (iii) Sekiranya peminjam engkar tindakan undang-undang akan diambil termasuklah ke atas penjamin-penjamin yang berkenaan.

Dr. Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan kepada 8 (a), apakah syarat-syarat utama untuk mendapat pinjaman sebanyak \$200,000 dan adakah syarat-syarat ini lebih ketat daripada syarat-syarat yang dikenakan oleh bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang sedia ada.

Kepada 8 (b) berkenaan tunggakan pinjaman yang lebih dahpada \$161,000,000 adakah pihak MARA bercadang memberi tempoh yang lebih lama kepada peminjam-peminjam perniagaan memandangkan kemerosotan ekonomi negara dan kesulitan modal pusingan oleh peniaga-peniaga bumiputra khususnya.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, syarat yang utama bagi mereka mendapat pinjaman \$200,000.00 ialah mereka mendapatkan kerja kontrak itu. Bagi, syarat-syarat yang lain, segala syarat-syarat yang ada sebelum ini akan dikenakan juga kepada peminjam-peminjam dengan pinjaman \$200,000.00 ini.

Bagi jawapan yang kedua, saya kira tempoh yang telah kita berikan sudahlah agak lama, jadi kita sedang mengambil tindakan mahkamah kepada hampir 1,333 orang untuk menuntut bayaran tunggakan yang masih belum dikutip lagi.

Tuan Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu dahpada Setiausaha Parlimen mengenai penganggur-penganggur siswazah yang sejumlah

35,000 dan tentunya ada sebahagian mendapat pinjaman pelajaran MARA. Apakah kepada penganggur-penganggur yang belum dapat pekerjaan ini diberi notis untuk dipungut daripada penjamin-penjaminnya dan bagaimana cadangan MARA untuk mengatasi ataupun mengelak dahpada mereka ini dihantar surat notis untuk pungutan pinjaman?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah semua 35,000 penganggur itu meminjam daripada MARA. Jadi, kepada mereka yang ada membuat pinjaman MARA, apabila mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui tindakan akan diambil terhadap mereka. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, daripada 7,024 peminjam sehingga kini cuma 357 orang sahaja yang kita membuat tuntutan sehingga ke peringkat mahkamah.

PEMAJU PERUMAHAN KOS RENDAH—KEMUDAHAN

9. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kemudahan dan galakan yang diberikan kepada Pemaju-pemaju Perumahan Kos Rendah dan adakah beliau sedar bahawa Pemaju Perumahan terpaksa mengambil masa 1 1/2 tahun untuk membolehkan Projek Rumah Kos Rendah dijalankan dan akhirnya terpaksa menanggung kerugian dan apakah remedi dan langkah untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai galakan dan kemudahan telah disediakan oleh Kerajaan bagi membantu pemaju-pemaju perumahan membina rumah kos rendah. Langkah-langkah utama yang diambil ialah:

- (a) mengurangkan kadar premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan tanah untuk tujuan perumahan;
- (b) penyediaan pelan-pelan setara oleh Jabatan Perumahan Negara untuk mempercepatkan kelulusan; dan
- (c) mengawal kadar faedah pinjaman perumahan bagi rumah-rumah yang berharga \$100,000 ke bawah. Pada masa ini kadar faedah yang dikenakan tidak melebihi 8.75% setahun.

Di samping kemudahan-kemudahan ini, Kerajaan juga menyediakan kemudahan-kemudahan tambahan bagi projek-projek yang dilaksanakan di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah, di antara kemudahan yang disediakan ialah:

- (1) Pengecualian bayaran ukur tanah.
- (2) Pengurangan piawaian perancangan dan infrastruktur tanpa menjejaskan tahap kelesaan dan keselamatan.
- (3) Penyediaan tanah yang sesuai oleh Kerajaan Negeri untuk dimajukan oleh sektor swasta melalui program penswastan.
- (4) Membenar pembangunan bercampur (mixed development) yang mengandungi rumah-rumah berbagai jenis mengikut kadar yang sesuai seperti 40% rumah kos rendah, 20% rumah kos sederhana rendah dan 40% rumah kos sederhana untuk membolehkan "cross-subsidization" dibuat.

Kementerian ini menyedari bahawa pada masa yang lalu pernah wujud kelewatan yang dialami oleh pemaju-pemaju perumahan sebelum mereka dapat melaksanakan sesuatu projek perumahan kos rendah. Walau bagaimanapun, dengan adanya tumpuan ke atas Program Khas Perumahan Kos Rendah, keadaan ini

telah banyak berubah akibat berbagai-bagai usaha yang diambil baik di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun di peringkat Kerajaan Negeri.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kementerian ini telah menyediakan garis panduan untuk program khas perumahan kos rendah bertujuan untuk memandu agensi-agensi Kerajaan dan pemaju-pemaju perumahan yang terlibat dengan program ini untuk membuat perancangan projek dan mengikuti saluran-saluran yang sepatutnya dalam usaha mempermudah dan mempercepatkan kelulusan bangunan. Di peringkat Kerajaan negeri pula, diadakan sistem pusat serenti ataupun Jawatankuasa khas yang bertujuan untuk mempercepatkan proses-proses mendapatkan kelulusan daripada jabatan atau agensi Kerajaan dalam perkara berkaitan dengan tukar syarat dan pecah sempadan, kelulusan pelan bangunan dan infrastruktur. Dengan adanya sistem pusat serenti ini proses kelulusan tukar syarat, pecah sempadan, pelan bangunan dan infrastruktur dapatlah disegerakan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyebutkan banyak bantuan-bantuan diberi kepada pemaju-pemaju oleh pihak Kerajaan untuk tujuan membina rumah-rumah kos rendah dan jikalau demikian, kenapa rancangan ataupun rancangan khas oleh pihak Kerajaan untuk menswastakan pembinaan rumah-rumah kos rendah sebanyak 80,000 unit setahun gagal. Bantuan-bantuan banyak diberi, kenapakah dia gagat? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka terakhir berapa unit di antara 80,000 unit itu telah siap dibina.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhonnat tidaklah betul

Program khas untuk membina 80,000 unit setahun adalah matlamatnya dan program ini telah berjaya, cuma tinggal 50%. Jadi, tidak benar jikalau Ahli Yang Berhormat katakan itu gagal. Program ini adalah matlamat untuk membina sebanyak 80,000 unit setahun dan seperti saya telah terangkan dalam Dewan yang mulia ini, program ini dijadualkan daripada tahun 1986 hingga 1990, dan tahun pertama ialah daripada Jun 1986 hingga Jun 1987 dan dalam tempoh ini, walaupun kita telah mengenalpastikan pembinaan rumah ini sebanyak 80,000 unit bagi tempoh ini, tetapi oleh kerana program ini merupakan satu program yang besar dan kerja-kerja awal telah mengambil masa yang begitu panjang, cuma 50% program itu dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, segala kerja-kerja telah pun diambil untuk mempercepatkan program ini. Angka yang terakhir saya tidak dapat berikan dengan tepat tetapi sebanyak 50% daripada program ini sedang dilaksanakan di beberapa peringkat.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada sebahagian besar rakyat kita dengan pendapatan rendah masih tidak mampu membeli rumah-rumah di bawah rancangan perumahan kos rendah ini. Dan saya ingin dapat tahu jika pihak Kerajaan telah mengenalpasti berapakah bahagian ataupun peratusan rakyat ini yang tidak mampu beli. Boleh jadi sebahagian besar yang mendapat pendapatan yang begitu rendah, kurang daripada \$500 tidak dapat beli rumah-rumah ini dan saya ingin dapat tahu juga jika Kerajaan telah mengkaji satu sistem baru sepertimana yang telah dilakukan di luar negeri seperti di Sri Lanka, di mana pihak Kerajaan mereka boleh membina rumah-rumah dengan harga berjumlah tidak lebih daripada \$5,000.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan sedar bahawa mereka yang mendapat pendapatan yang begitu kurang tidaklah mampu membeli rumah-rumah yang ditakrifkan sebagai rumah kos rendah, iaitu yang berharga \$25,000 atau ke bawah. Walau bagaimanapun, bagi membantu mereka ini, Kerajaan juga menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah untuk disewa, khususnya di bandar-bandar baik dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mahupun di bandar-bandar yang lain di negara kita, rumah-rumah kos rendah untuk disewa digalakkan dibina oleh Kerajaan sendiri dan Kerajaan telah menimbangkan perkara ini sedalam-dalamnya. Keadaan yang terdapat di Sri Lanka adalah berlainan dengan keadaan yang terdapat dinegara kita. Di negara kita hasrat rakyat adalah untuk memperolehi rumah yang sempurna yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang dianggap sebagai kemudahan asas, maka dengan itu tidak dapatlah kita membina rumah-rumah yang berharga sehingga \$5,000 ataupun seumpamanya. Untuk menerangkan lebih lanjut sedikit, pembinaan bangunan sahaja bagi rumah kos rendah yang dibuat dalam negara kita merupakan harga sekurang-kurangnya \$10,000 lebih kurang dan tiap-tiap kali tawaran dibuat dan dipanggil oleh Kementerian inilah sekurang-kurangnya. Selain daripada itu kos infrastruktur adalah merupakan sekurang-kurangnya 1/3 daripada kos rumah kos rendah.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

10. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah perubahan-perubahan yang telah dibuat setelah Lembaga Padi dan Beras Negara dimasukkan di bawah Kementerian Pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) telah diletakkan di bawah Kementerian Pertanian mulai 1hb Julai 1987. Angka ini adalah merupakan usaha Kerajaan bagi melaksanakan satu pendekatan yang bersepadu dalam membangunkan dan memodenkan industri padi dan beras dan meningkatkan aktiviti-aktiviti yang merangkumi bidang tanaman dan pengeluaran padi yang melibatkan berbagai-bagai agensi di bawah Kementerian seperti Jabatan Pertanian, JPT, MARDI, MADA dan KADA dan aktiviti-aktiviti selepas tuai seperti pemasaran padi, memproses dan penyimpanan yang kebanyakannya ditanggungjawabkan kepada LPN. Semenjak penempatan semula itu LPN telah diarah untuk meneruskan dan memperbaiki lagi aktiviti-aktiviti yang telah mula diusahakan di Kementerian Perusahaan Awam. Sebelum itu seperti pengswastaan gudang-gudang, mengurangkan stock pile dan meningkatkan daya pengeluaran para pekerja untuk memastikan pencapaian matlamat Kerajaan dalam meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kaum tani dan juga membolehkan pengguna-pengguna mendapat bekalan beras dengan tidak terputus dengan harga yang berpatutan setaras dengan objektif-objektif LPN. Di samping itu, Kementerian juga sedang menimbangkan cadangan untuk mengkaji semula struktur gred dan harga beras.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dalam tempoh yang singkat ini adalah rerlalu awal bagi Kementenan Pertanian menyatakan perubahan-perubahan yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang mengkaji dan menimbang untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja melibatkan agensi-agensinya di bawah Kementerian

ini dan tugas-tugas mereka ada kaitan dengan industri padi dan beras bagi merangka strategi dan menyelaraskan seluruh aktiviti yang berkaitan dengan industri tersebut supaya dapat dijalankan dengan licin dan masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani di kawasan pengeluaran padi yang berkenaan dikurangkan kepada tahap yang minima.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana kita maklum, selepas LPN dipindahkan ke Kementerian Pertanian, Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan yang menyebut tentang kambing-kambing hitam dalam LPN. Soalan saya, bilakah mereka ini hendak dimandi dan disunatkan?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua sepertimana saya sebutkan tadi, kita sekarang hendak meningkatkan produktiviti pekerja-pekerja di LPN.

Dalam rancangan peningkatan produktiviti-produktiviti pekerja-pekerja mungkin terlibat kambing hitam dalam LPN dan dalam proses ini kita boleh "weed out", dengan izin, kambing hitam ini.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang baru mengambilalih pentadbiran Lembaga Padi dan Beras Negara ini, tetapi masalah rasuah di kalangan kakitangan LPN amat berleluasa sekali. Contohnya dalam Dewan yang mulia ini 3 tahun dahulu rakan saya Ahli Parlimen dari Ulu Muda ada menyebutkan seorang pegawai yang terlibat dalam soal rasuah, sehingga hari ini saya dimaklumkan satu tindakan pun tidak diambil oleh pihak yang berkenaan.

Saya berharap pihak Kementerian boleh memberikan jawapan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengurangkan masalah rasuah hari ini yang berleluasa di LPN.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, soal rasuah ini yang terlibat bukan sahaja LPN, tetapi Kementerian-kementerian yang lain dan apa yang dijawab oleh rakan-rakan yang lain, ialah bukti berkenaan rasuah ini sangat susah hendak dapat, dan kita hanya mendapat laporan sahaja, tetapi bila siasatan dijalankan buktinya tiada.

Berkenaan dengan kes yang dibangkitkan tadi, kes-kes ini mesti disiasat dengan teliti dan mesti mengambil masa, seperti kes-kes jenayah dalam mahkamah pun mengambil masa yang panjang, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ada apa-apa kes yang boleh memberikan laporan kepada saya, saya boleh mengarahkan LPN untuk menyiasat dengan teliti,

PROTON SAGA—NOMBOR PLAT

11. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan setahu umum bahawa nombor-nombor plate kereta telah ada ukuran-ukuran yang telah ditetapkan tentang besar kecilnya bentuk nombor-nombor yang tersebut, tetapi kesemua kereta-kereta Proton Saga didapati nombor-nombor platnya adalah lebih kecil bentuknya jika dibandingkan dengan nombor-nombor kereta yang lain, apakah keistimewaannya terhadap plat-plat nombor kereta Proton Saga dengan Peraturan-peraturan Lalulintas Jalanraya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, nombor plat pendaftaran khas Proton bagi motokar-motokar Proton Saga yang

didaftarkan di peringkat awal pengeluarannya adalah lebih kecil berbanding dengan ukuran plat kenderaan-kenderaan yang lain. Nombor khas tersebut adalah diluluskan oleh Jemaah Menteri dengan tujuan untuk memberi insentif dan promosi kepada kereta nasional kita. Bagaimanapun bilangannya adalah terhad iaitu daripada Proton 1 hingga 1001 sahaja. Kereta Proton Saga yang didaftar selepas itu adalah mengikut ukuran nombor plat yang biasa.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pengangkutan bercadang supaya plat-plat nombor yang terdapat di kereta Proton Saga ini akan diterapkan di dalam Peraturan Lalulintas dan juga boleh dikenakan kepada kereta-kereta jenis yang lain.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pindaan itu telah dibuat, iaitu pindaan kepada Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Perlesenan) 1959 untuk membolehkan pemakaian index mark Proton No. 1 hingga 1001 yang mempunyai saiz yang lebih kecil daripada nombor-nombor pendaftaran biasa. Pindaan ini dibuat khas kepada Proton Saga bagi jumlah 1001 buah sahaja. Untuk yang lain Kementerian tidak bercadang untuk membuat pindaan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila saya mendengar Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini mengatakan ada special dikhaskan kepada beberapa kereta Proton Saga diluluskan nombornya kecil, saya sangkakan kecil besar nombor ini kerana bertujuan pihak Polis senang untuk tengok kecil besar ini. Saya tidak tahu pula itu ada special atau tidak special, jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat undang-undang cara ini adakah patut

kita kekalkan atau dihapuskan kerana ini soal merbahaya jalanraya, bukan soal special tak special, Proton tak Proton—soal bahaya, Polis tidak nampak. Jadi hendak dipindahkah ataupun patut dikekalkan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi bahawa ini hanya untuk jumlah 1001 buah Proton Saga sahaja dengan tujuan untuk promosi, iaitu menggalakkan pembelian awal permulaan dahulu Proton Saga dikeluarkan dan kalau hendak dikatakan pula disebabkan nombor itu kecil sedikit, susah hendak nampak, rasa saya orang yang memandu kereta Proton Saga pun banyak juga yang kena saman bila membuat kesalahan lalulintas jalan, perkara itu tidak timbul. Seperti kata Yang Berhormat tadi special untuk orang-orang yang memberi awal-awal dahulu, iaitu sebagai satu tindakan promosi. Itu sahaja yang boleh saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 12 hingga 27 adalah diberi di bawah ini),

BIRO PENCEGAH RASUAH

6. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapakah Biro Pencegah Rasuah (BPR) tidak dipertanggungjawabkan kepada Parlimen. Setakat mana BPR akan diarah untuk menyasiat pinjaman-pinjaman yang tidak dapat dikutip balik itu oleh Central Cooperative Bank.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Perkara pertama yang disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat telahpun dijawab pada 12 November, 1987.

Menyentuh tentang perkara kedua soalan Ahli Yang Berhormat ini, saya suka memperingatkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa bidang siasatan BPR adalah meliputi kes-kes rasuah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara. BPR bukannya Badan penyiasat hutang-hutang bank.

KURSUS PERGURUAN

12. Tuan Hsing Hin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang dihantar ke Sabah untuk mengikuti kursus perguruan dan juga mengajar dan akhirnya balik ke Semenanjung Malaysia sejak 1980 hingga September 1987 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan guru-guru yang berpengalaman ini ditempatkan di Sabah untuk meningkatkan mutu pendidikan di Sabah.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah guru pelatih daripada Semenanjung Malaysia yang dihantar ke Sabah untuk mengikuti kursus perguruan sejak 1980 hingga September, 1987 adalah seramai 485 orang. Bilangan guru Semenanjung yang mengajar di Sabah sehingga bulan September, 1987 adalah seramai 2,022 orang. Manakala yang telah balik adalah seramai 1,205 orang.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementehnan ini untuk memastikan guru-guru yang terlatih dan berpengalaman ditempatkan di Sabah adalah seperti berikut:—

1. Guru-guru tersebut diikat dengan perjanjian untuk berkhidmat di Sabah selama 5 tahun.
2. Di mana yang boleh dan jika ada kemudahan-kemudahan seperti rumah kediaman dan

seumpamanya akan diberi kepada guru-guru tersebut.

3. Guru-guru yang telah ditempatkan di Sabah dan telah tamat tempoh ikatan perjanjian mereka, jika mereka terus berkhidmat di Sabah, elaun-elaun yang mereka nikmati selama ini akan terus dikekalkan.
4. Guru-guru yang mengajar di pendalaman akan diberi pertimbangan bertukar ke kawasan yang mereka pohon.

JALAN BASIKAL GUAR CEMPEDAK—KOTA SARANG SEMUT

13. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Jabatan Kerjaraya akan memperbaiki jalan basikal yang dibuat menyebelahi Jalanraya Persekutuan yang kebanyakannya tidak boleh lagi digunakan sepanjang jalan dari Guar Cempedak ke Kota Sarang Semut.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa kerja-kerja menyenggara dan memperbaiki lorong-lorong basikal yang rosak di sepanjang jalan dari Guar Cempedak ke Kota Sarang Semut adalah dilaksanakan dari masa ke semasa bergantung kepada peruntukan penyelenggaraan yang diperotehi. Buat masa ini peruntukan penyenggaraan yang sedia ada tidak mencukupi untuk memperbaiki keseluruhan kerosakan tersebut memandangkan jalan tersebut adalah panjang. Walau bagaimanapun, tindakan akan diambil oleh Jabatan Kerjaraya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu apabila mendapat peruntukan yang mencukupi.

PROJEK PERINTIS HALA CARA BARU

14. Tuan Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah tercapai kejayaan projek "Hala Cara Baru" bagi kawasan yang mundur di negara ini; dan
- (b) adakah projek ini mencapai matlamat untuk membasmikan kemiskinan penduduk-penduduk luar bandar seperti yang diharapkan.

Tuan Mohamed bin Jamrah:

- (a) Pada keseluruhannya, projek-projek perintis "Hala Cara Baru" yang dipilih berjalan dengan baik. Dari jumlah 25 projek yang telah dipilih itu, sebanyak dua (2) daripada projek tersebut telah digugurkan oleh Kerajaan negeri masing-masing pada tahun 1987 disebabkan masalah-masalah perlaksanaannya, yang tidak dapat memenuhi konsep Hala Cara Baru. Projek tersebut ialah Projek Kampung Semangat, Perak dan Kampung Padang Mengkuang, Marang, Terengganu.

Dari 23 projek tersebut, sebanyak 5 projek berjalan dengan memuaskan dari aspek penempatan semula penduduk kampung secara teratur, mengadakan kemudahan-kemudahan prasarana dan meningkatkan pendapatan melalui pertambahan dan pengwujudan aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan projek. Lima (5) projek tersebut adalah seperti berikut:

<i>Nama projek</i>	<i>Tahun mula dilaksanakan</i>	<i>Jenis Tanaman</i>
1 Projek Titi Tinggi, Perlis	1984	Lembu Tenusu
2 Projek Seri Mendapat, Melaka	1982	Kelapa Sawit
3 Projek Pui Seraya, Johor	1982	Kelapa Sawit
4 Projek Mulong Lating, Kelantan	1985	Padi
5 Projek Salong, Pekan, Pahang	1986	Kelapa Sawit

Bagi 21 projek lagi, tahap perlaksanaannya adalah di dalam pelbagai peringkat bergantung kepada masalah-masalah pelaksanaan dan sambutan peserta-peserta setempat. Namun begitu, agensi-agensi pelaksana projek sedang mengatasi masalah-masalah tersebut bagi menjayakan projek ini.

- (b) Sememangnya tujuan utama projek "Hala Cara Baru" ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dalam usaha Kerajaan untuk membasmikan kemiskinan penduduk-penduduk di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian secara menyeluruh mengenai kekesanan projek-projek ini sedang dijalankan oleh pihak Institut Teknologi MARA (ITM).

HUTANG NEGARA

15. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan hutang negara. Berapakah jumlah hutang itu sehingga 30-9-1987. Adakah Kerajaan akan berhutang lagi dan pihak manakah yang bersedia untuk memberi pinjaman. Berapa lamakah hutang boleh diselesaikan kiranya negara tidak berhutang lagi. Berapa lamakah rakyat terpaksa menanggung hutang ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 30hb September 1987 ialah \$79.1 billion yang mana \$51.6 billion adalah pinjaman dalam negeri dan \$27.5 billion adalah pinjaman luar negeri. Kerajaan akan meminjam untuk melaksanakan projek-projek pembangunan terutamanya bagi membiayai projek-projek yang lebih berdayamaju. Sebahagian besar pinjaman akan terus diperolehi dari punca dalam negeri. Setakat ini Malaysia bernasib baik kerana institusi-institusi kewangan antarabangsa bersedia untuk memberi pinjaman dengan syarat-syarat yang menarik,

Pada umumnya pinjaman untuk sesuatu projek itu adalah tertakluk kepada tempoh bayaran balik yang panjang. Oleh kerana pinjaman dilakukan berterusan dan setiap pinjaman itu mempunyai syarat-syarat dan tempoh matang yang berlainan, adalah sukar untuk dipastikan tempoh kesemuanya hutang negara dapat dijelaskan. Walau bagaimanapun berasaskan kepada hutang dalam dan luar negeri yang sedia ada, tarikh akhir pembayaran balik ialah pada tahun 2015.

Walaupun keadaan hutang negara terkawal, Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukannya dengan mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) Mengurangkan pinjaman yang diambil dari luar negeri;
- (b) Mempelbagaikan pegangan matawang dalam portfolio hutang negara supaya tidak bergantung kepada satu atau dua matawang sahaja.
- (c) Membuat bayaran awal untuk menyelesaikan pinjaman-pinjaman luar yang mempunyai kadar faedah yang tinggi. Seperti

dinyatakan di dalam ucapan Belanjawan, Kerajaan akan membuat bayaran lebih awal sejumlah \$5 billion bagi tahun 1987 dan 1988.

- (d) Membatalkan sebahagian pinjaman bagi projek-projek yang sudah selesai atau ditangguhkan akibat pengurangan belanja pembangunan Kerajaan.

KAD PENGENALAN DI SARAWAK

16. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Kad Pengenalan yang masih di simpan dalam pejabat Jabatan yang belum diambil bagi Sarawak pada tahun 1985 dan 1986;
- (fa) apakah langkah yang diambil oleh Jabatan tersebut untuk mengaturnya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Jumlah kad pengenalan Sarawak yang belum diambil pada akhir tahun 1985 dan 1986 ialah 6,763 dan 27,823.
- (b) Langkah-langkah yang diambil untuk menyerahkan kad-kad yang telah siap ialah:
 - (i) Memberitahu dengan surat kepada mereka yang berkenaan meminta datang mengambil kad dengan segera. Ini diikuti dengan tiga (3) surat ulangan;
 - (ii) Menyedia dan memparmirkan senarai kad-kad yang telah siap di pejabat-pejabat yang berkenaan/tempatan;

- (iii) Meminta kerjasama Penghulu, Ketua Kaum, Ketua Kampung dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain mengesan mereka yang tidak datang mengambil kad pengenalan;
- (iv) Memberitahu pemohon supaya melaporkan sebarang pertukaran alamat ke Pejabat yang menerima permohonan.

**SEKOLAH RENDAH JENIS
KEBANGSAAN (C) PEK HWA
TAMPOI**

17. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada tapak baru bagi SRJK Pek Hwa, Tampoi untuk menggantikan tapak lama yang ditukar kepada sekolah kebangsaan telah ditentukan dan berapakah luasan tapak baru ini; dan
- (b) sama ada pembinaan bangunan gantian SRJK (C) Kangkar Baru, Yong Peng telah dipertimbangkan memandangkan kepada keadaan sekolah ini disifatkan sangat buruk dan projek pembinaannya sangat perlu dan mendesak.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kerajaan Negeri Johor masih dalam proses mengenalpasti tapak gantian SRJK (C) Pek Hwa Tampoi, yang terlibat dalam pembangunan semula bandar Tampoi.
- (b) Walaupun projek bangunan gantian SRJK (C) Kangkar Baru, Yong Peng telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat, tetapi

pembinaannya tidak dapat diteruskan kerana peruntukan yang terhad. Apabila terdapat peruntukan yang mencukupi projek tersebut bolehlah dipertimbangkan untuk dilaksanakan.

SISWAZAH MENGGANGGUR

18. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapakah siswazah-siswazah di seluruh Malaysia sekarang sedang menganggur;
- (ii) apakah definisi pengangguran telah digonakan bagi angka-angka terhadap masalah ini; dan
- (iii) apakah tindakan-tindakan sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan masalah sosial ini.

Tuan Othman bin Abdul:

- (i) Bilangan siswazah menganggur yang telah mendaftar nama di Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga 30 September, 1987 untuk mendapatkan pekerjaan ialah seramai 18,853 orang. Bilangan ini meliputi mereka yang mempunyai kelayakan di peringkat Ijazah dan Diploma.
- (ii) Definisi pengangguran yang digunakan dalam konteks ini ialah siswazah-siswazah yang belum lagi berjawatan sama ada di sektor swasta atau awam atau yang masih belum mempunyai sebarang pekerjaan yang tetap yang boleh mendatangkan pendapatan.
- (iii) Kerajaan sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah ini. Antara tindakan yang diambil ialah dengan memperbaiki ekonomi negara

supaya dapat diwujudkan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya di sektor swasta. Selain daripada itu Kerajaan juga sedang merancang untuk terus mengadakan program-program latihan bagi mewujudkan usahawan di kalangan siswazah yang menganggur ini. Bagaimanapun memandangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah ini merupakan satu masalah negara, maka semua pihak termasuk sektor swasta perlulah bekerjasama untuk mengatasinya. Di pihak siswazah-siswazah itu sendiri pula, mereka perlu menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari untuk mencari pekerjaan yang ada atau berusaha sendiri mengwujudkan peluang-peluang pekerjaan baru.

DASAR EKONOMI BARU— PENCAPAIAN

19. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah setakat ini Kerajaan berpuashati dengan pencapaian DEB. Kalau tidak, sudahkah Kerajaan menyelidiki sebab-sebab utama yang membawa kepada kegagalan itu dan apakah langkah-langkah jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menentukan matlamat-matlamat dasar itu tercapai;
- (b) oleh kerana timbul kekeliruan dalam matlamat pembahagian ekuiti dalam DEB, apakah sebenarnya ekuiti yang hendak ditetapkan — 50/50 atau 70/30 atau 60/40; dan
- (c) sejauh manakah Kerajaan mampu mengawasi dengan

berkesan pembahagian ekuiti ini di peringkat negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

- (a) Jawapan kepada soalan yang serupa telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 24 Mac, 1987. Bagaimanapun saya ingin sekali lagi menyatakan bahawa Kerajaan belum berpuashati dengan pencapaian DEB. Walau bagaimanapun, jelas bahawa apa yang telah dicapai setakat ini dari segi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat agak menggalakkan. Terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam kedua-dua aspek ini. Kadar kemiskinan telah dapat dikurangkan dari 49.3% pada tahun 1970 ke 18.4% pada tahun 1984 manakala pemilikan Bumiputera dalam sektor syarikat telah mencapai 17% pada tahun 1985 berbanding dengan hanya 2.4% pada tahun 1970. Bahagian Gunatena Bumiputera dalam kumpulan profesional yang terpilih juga telah meningkat dari hanya 4.9% dalam tahun 1970 kepada 22% dalam tahun 1985. Kerajaan sedar, pada keseluruhannya pencapaian ini masih jauh lagi dari matlamat keseimbangan yang kita harapkan di bawah DEB dan telah pun berusaha menyelidik sebab-sebab kelembapan dalam pencapaian matlamatnya. Namun demikian, faktor terutama ialah kemelesetan ekonomi tidak dapat tidak telah membantutkan usaha-usaha Kerajaan ke arah pencapaian matlamat DEB menjelang 1990, sedangkan anjuran pencapaian

DEB yang dibuat dahulu adalah didasarkan dalatn konteks ekonomi yang berkembang. Adalah diharapkan dengan pemulihan ekonomi kelak dapat dilaksanakan usaha-usaha yang lebih gigih dalam memesatkan pencapaian matlamat DEB.

- (b) Perlu saya menegaskan bahawa matlamat yang ditetapkan dalam Rangka Pelan Jangka Panjang (Outline Prospective Plan) merupakan matlamat yang boleh tercapai dalam jangkamasa 20 tahun daripada pelaksanaan DEB 1970-1990. Apa-apa matlamat yang ditetapkan kelak hendaklah realistik bagi sesuatu tempoh perancangan. Yang lebih penting ialah untuk meneruskan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup semua rakyat negara ini serta pembahagian kekayaan negara dengan secara lebih adil dan saksama bagi semua kaum.

Bentuk rancangan ekonomi selepas 1990 dan pembahagian ekuiti yang ditetapkan akan mencerminkan keazaman Kerajaan untuk mencapai hasrat tersebut.

- (c) Bagi mengawasi pencapaian DEB termasuk pembahagian ekuiti di peringkat negeri-negeri, Unit Penyertaan Bumiputera dan pejabat cawangan agensi Persekutuan di negeri-negeri di minta memungut, menganalisis serta menganalisa data-data berkenaan dan memberi maklumat balas sewajarnya kepada pihak Kerajaan.

LOMBONG BIJIH TIMAH SG. LEMBING—PAMPASAN

20. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Perdana Menteri menyatakan sebab musababnya masalah gaji dan

pampasan pekerja-pekerja lombong bijih timah Sg. Lembing Negeri Pahang sehingga kini belum diselesaikan lagi.

Tuan Othman bin Abdul: Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kampar, telah pun saya beri di dalam jawapan saya kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung di atas perkara yang sama pada 14 Oktober, 1987.

PENYAKIT HISTERIA

21. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebab-sebab atau puncanya berlaku penyakit histeria di kalangan murid-murid sekolah kebelakangan ini sering berlaku. Dari apakah usaha-usaha Kementerian untuk mencegah berlakunya di masa-masa yang akan datang.

Dato Chan Siang Sun: Histeria adalah satu kumpulan penyakit jiwa yang biasanya berlaku kepada mereka yang menghadapi tekanan masalah sosial. Mereka yang menjadi histerikal selalunya tidak menerima sebagai kenyataan yang benar apa yang dihadapi olehnya dan ini menjadikan satu konflik pada dirinya.

Di antara punca yang menyebabkan berlakunya penyakit histeria di kalangan murid-murid sekolah ialah tekanan perasaan, kebosanan, kemarahan serta menghadapi sesuatu masalah yang tidak dapat diatasinya. Untuk mencegah berlakunya histeria di kalangan murid-murid, peranan sekolah adalah sangat penting.

Di antara usaha-usaha yang sedang diambil oleh sekolah-sekolah ialah:

- (a) Memberi kepada murid-murid ceramah, taklimat atau bimbingan dan kaunseling mengenai cara-cara untuk mengatasi sesuatu masalah.

- (b) Menggalakkan mereka meluahkan perasaan apa-apa masatah atau kesulitan kepada orang-orang yang dipercayai serta mendapatkan bimbingan nasihat daripada pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- (c) Menentukan yang mereka mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum untuk menghilangkan rasa kebosanan atau mengisi masa lapang mereka.

Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama dengan pihak sekolah untuk menjayakan usaha-usaha yang disebutkan tadi.

PENDATANG HARAM DIHANTAR PULANG

22. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Dalam Negeri menyatakan angka keseluruhan pendatang haram dihantar pulang oleh Kerajaan kita sejak tahun 1985 hingga sekarang dan jumlah wang yang digunakan. Apakah langkah yang diambil untuk memperkuatkan Jabatan Imigresen kita untuk mencari pendatang haram.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah pendatang haram yang dihantar pulang ke negara-negara asal mereka sejak tahun 1985 hingga bulan September, 1987 berjumlah 66,938 orang dan pembiayaan penghantaran pulang adalah ditanggung sendiri oleh pendatang-pendatang haram.

Pemeriksaan mengejut sering dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan dibantu oleh Polis Di Raja Malaysia di tempat-tempat yang disyaki menjadi tempat pendaratan dan perkampungan pendatang-pendatang haram. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai langkah bagi mencegah kemasukan pendatang haram ke Malaysia telah

dan sedang diambil di sepanjang masa oleh Kementerian saya.

PENYAKIT HEPATITIS B

23. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah penyakit "Hepatitis B" di negeri kita; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau bersedia untuk memberi suntikan keselamatan kepada orang-orang miskin dan penuntut-penuntut.

Dato' Chan Siang Sun: Soalan yang sama ini telah pun dijawab di Dewan Yang Mutia ini pada 13hb November 1987. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini beberapa soalan yang berkaitan dengan penyakit "Hepatitis B" telah dijawab dengan panjang lebarnya oleh Kementerian Kesihatan dalam jawapannya di peringkat Jawatankuasa Anggaran Kementerian Kesihatan Tahun 1988 di Persidangan Dewan Rakyat pada 24hb November dan 25hb November 1987. Saya tidak ada apa-apa maklumat lanjut untuk ditambah.

PETRONAS—PENGELUARAN MINYAK

24. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Perdana Menteri menyatakan mengenai keputusan PETRONAS menambahkan pengeluaran minyak bermula bulan Oktober 1987. Apakah keputusan ini Kerajaan telah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (a) apakah Kerajaan mempunyai pasaran kerana lazimnya Negara pembeli sudah pun mempunyai kontrak jangka panjang;
- (b) Negara-negara Potensi yang bakal menjadi pembeli;

- (c) adakah penambahan pengeluaran minyak akan dipasarkan di pasaran terbuka; dan
- (d) berapakah jumlah sebenar perolehan pendapatan daripada pertambahan pengeluaran minyak.

Apakah reaksi daripada Negara-negara anggota OPEC sesudah pengumuman ini dibuat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Tuan Kasitah bin Gaddam):**

- (a) Salah satu perkara yang diambilkira apabila Kerajaan membuat keputusan untuk menambahkan pengeluaran minyak mentah bermula bulan Oktober ialah sama ada tambahan pengeluaran itu dapat dieksportkan. Pada masa ini beberapa pelanggan berpenggal (term customer) dari negara-negara Singapura, Filipina dan Korea Selatan telah memohon untuk menambahkan pembelian minyak mentah daripada Malaysia.
- (b) Beberapa pelanggan baru daripada United Kingdom, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat telah menunjukkan minat untuk membeli minyak mentah Malaysia secara berpenggal (term).
- (c) Penambahan pengeluaran minyak mentah ini akan dipasarkan di pasaran berpenggal dan juga di pasaran spot dan kedua-duanya adalah pasaran tersebut.
- (d) Adalah dianggarkan bahawa dengan tambahan pengeluaran minyak mentah mulai bulan Oktober 1987, pendapatan daripada eksport akan berjumlah kira-kira \$6.4 ribu juta dan ini akan menyumbang kepada keperluan belanjawan

negara bagi pembiayaan program pembangunan negara.

Setakat ini tiada reaksi yang diterima dari pertubuhan OPEC mengenai keputusan Malaysia ini bahkan dalam hal ini, kita juga sedia maklum bahawa ada di antara Ahli OPEC sendiri yang mengeluarkan lebih daripada had yang ditetapkan oleh pertubuhan itu. Bagaimanapun negara ini sedia bekerjasama dengan pertubuhan OPEC setakat mana yang boleh dalam usaha pertubuhan itu menstabilkan harga minyak dunia.

PROGRAM RTM

25. Tuan P. Patto minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa Kementeriannya bercadang untuk mengkhususkan Rangkaian Pertama RTM untuk hanya bagi program-program dalam Bahasa Malaysia, termasuk mengalih bahasakan filem-filem Bahasa Inggeris, Jepun dan Arab ke dalam Bahasa Malaysia; dan sekiranya Rangkaian Kedua RTM adalah khusus untuk program-program Bahasa Tamil dikurangkan baru-baru ini termasuk berita dalam Bahasa Tamil; serta mengapakah lagu-lagu selingan yang dimainkan melalui Rangkaian Kedua RTM selalunya lagu-lagu Bahasa Malaysia dan tidak bercampur dengan lagu-lagu Mandarin/Kongfu dan Bahasa Tamil; memandangkan keadaan ini dalam Rangkaian Kedua RTM, bilakah Kementeriannya akan memberhentikan diskriminasi ini.

Tuan Railey bin Jaffrey: Kementerian Penerangan tidak mengadakan diskriminasi baik di Radio atau di Talivisyen. Semua program RTM baik dalam apa bahasa pun adalah untuk seluruh rakyat dan bukan ditujukan kepada sesuatu kaum tertentu sahaja. Amalan ini adalah bersesuaian dengan matlamat Kerajaan bagi mengujudkan satu masyarakat yang setia, patriotik dan

yang bersatu padu. Dan sebab itulah rancangan-rancangan yang dikendalikan oleh RTM mengutamakan penggunaan Bahasa Malaysia selaras dengan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara dan bahasa perpaduan negara. Selain daripada itu penggunaan Bahasa Inggeris juga diberi penekanan memandangkan bahasa Inggeris merupakan bahasa perhubungan antarabangsa dan bahasa kedua negara. Penggunaan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan dialek-dialek yang lain adalah semata-mata untuk menghubungi kelompok-kelompok yang masih perlu dihubungi dengan menggunakan bahasa-bahasa atau dialek-dialek mereka tanpa mengeneikan kepentingan Bahasa Malaysia sebagai bahasa negara dan bahasa perpaduan. Sebab itulah RTM mempunyai berbagai rangkaian radio dan juga banyak program-program melalui televisyen yang menggunakan bahasa-bahasa selain daripada bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

Untuk mencapai matlamat perpaduan nasional RTM harus meningkatkan penggunaan Bahasa Malaysia menimbangkan pelaksanaan dasar bahasa dan dasar pelajaran kebangsaan telah berjaya dan lebih banyak rakyat berbilang kaum yang sudah dapat bertutur dan cukup mahir dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan. Oleh itu peningkatan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam siaran-siaran RTM baik melalui radio dan TV sebenarnya memenuhi kehendak sejumlah besar pendengar dan penonton yang menggunakan bahasa Malaysia. Oleh yang demikian Kementerian ini bercadang untuk menjadikan rangkaian 1 televisyen sebagai rangkaian nasional yang menggunakan bahasa Malaysia sepenuhnya. Namun begitu matlamat ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan perkembangan dan kemampuan yang

ada kepada RTM. Selain daripada itu Kementerian ini juga memutuskan untuk menjadikan rangkaian ke 2 sebagai rangkaian nasional yang tetapi mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris.

Mengenai masalah alihbahasa, saya ingin menyatakan bahawa RTM tidak akan mengalihbahasakan semua rancangan-rancangan dari luar negeri. Hanya rancangan-rancangan tertentu yang difikirkan sesuai akan dialihbahasakan dan bagi rancangan-rancangan lain yang tidak dialihbahasakan, rancangan-rancangan itu akan disiarkan melalui rangkaian kedua.

Mengenai berita Tamil yang dikurangkan masa siarannya, saya ingin menyatakan bahawa perkara ini adalah untuk sementara sahaja menantikan studio 3 di Angkasapuri diubah suai dan dijadikan Studio berita yang besar. Dijangka pada tahun hadapan siaran Berita Tamil akan di kembalikan pada asalnya.

LESEN SENJATA

26. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah lesen senjata api yang dikeluarkan dalam tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987 dan berapakah jumlah senjata api yang telah diserahkan kepada pihak Polis oleh pemegang-pemegang lesen tersebut. Bolehkah Menteri berkenaan menyatakan adakah pihak Polis ingin melakukan dengan senjata api yang diserahkan itu dan juga senjata api yang dirampas daripada penjenayah-penjenayah dan adakah senjata api berkenaan digunakan oleh pihak Polis dalam tugas mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah lesen senjatapi yang telah dikeluarkan dari tahun 1984 hingga 1987 adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1984 ialah sebanyak 3,596 pucuk, bagi tahun 1985 pula ialah sebanyak 3,845 pucuk, manakala bagi tahun 1986 pula ialah sebanyak 2,880 pucuk dan bagi tahun 1987 (sehingga 30-9-87) ialah sebanyak 2,398 pucuk.

Manakalah statistik senjatapi yang diserahkan kepada Polis bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

Bagi tahun 1984 ialah sebanyak 743 pucuk, bagi tahun 1985 ialah sebanyak 849 pucuk, manakala bagi tahun 1986 pula ialah sebanyak 526 pucuk dan bagi tahun 1987 ialah sebanyak 533 pucuk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senjatapi-senjatapi yang diserahkan dan juga senjatapi-senjatapi yang dirampas oleh Polis akan disimpan di Pusat Bekalan Polis. Senjatapi yang didapati rosak akan dimusnahkan.

Polis tidak bercadang untuk menggunakan senjatapi yang diserahkan atau dirampas itu kerana bekalan senjatapi yang ada sudah mencukupi.

KERETAPI TANAH MELAYU— PENSWASTAAN

27. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa Keretapi Tanah Melayu masih belum lagi diswastakan. Apakah Keretapi Tanah Melayu suatu perkhidmatan yang tidak mengalami kerugian (viable concern).

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Perjanjian mengenai kajian kemungkinan bagi penswastaaan KTM di antara Kementerian Pengangkutan dengan Bumiputra Merchant Bankers Berhad (BMBB) telah ditandatangani pada 21 November, 1987 baru-baru ini. BMBB akan mengemukakan laporan kajian tersebut pada bulan April 1988. Sekiranya kajian tersebut

menunjukkan kemungkinan keuntungan kepada Kerajaan, maka cadangan penswastaaan akan dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

Perkhidmatan KTM sekarang ini mengalami kerugian, walau bagaimanapun, ianya mempunyai potensi untuk menjadi satu organisasi yang menguntungkan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN) 1987

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Polis 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kaJi ini.

RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi metninda Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977; dibawa ke - dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988 Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula

pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis. (*Hari Keempat belas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusi Jawatankuasa*)

Maksud B.49 dan B.50 (Jadual)

Maksud P.49 dan P. 50 (Anggaran Pembangunan, 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

3.38 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya menyambung ucapan saya pada hari Jumaat yang lepas berhubung dengan Kementerian Pengangkutan, iaitu berkenaan dengan pengurusan dan operasi lapangan terbang dan begitu juga Keretapi Tanah Melayu.

Dalam ucapan saya tempoh hari, saya menyentuh berhubung dengan layanan di dalam kapal terbang kita yang mana saya sebutkan amat memuaskan buat masa ini jika dibandingkan yang telah lalu. Pernah juga pada satu masa dahulu saya menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini berhubung dengan layanan serta makanan yang diberi kepada penumpang-penumpang dengan sayur kangkung lombong. Tetapi sekarang nampaknya benda itu tidak ada lagi. Oleh itu dalam masalah ini kalau kita bandingkan dengan kapal terbang yang lain, sistem kita amat memuaskan.

Dalam tahun ini banyak juga kapal terbang yang saya menumpang, dan kalau dibandingkan dengan layanan, kitalah yang sehabis baik saya rasa, dan diikuti dengan SIA dari

Singapura. Tujuan sebenarnya ucapan saya bukan berhubung dengan perkara itu, tetapi cuma saya menyentuh pandangan Ahli Yang Berhormat dari Arau semalam, iaitu mengenai soal layanan. Sebenarnya saya hendak menyentuh soal kapal terbang MAS. Sekarang ini dari apa yang dapat saya baca dalam suratkhobar, pihak Pengurus Besar MAS telah mengumumkan untuk membuat wajah baru, bentuk baru kapal terbang kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi, dahulunya saya lihat kalau tidak salah saya lambang Sistem Penerbangan Malaysia dan di hujungnya dilekatkan bendera Malaysia tetapi lambang yang baru ini saya lihat hanya di tulis "Malaysia" sahaja tanpa ada lambang yang lain, bendera dan juga tulisan Jawi yang telah hilang begitu sahaja. Tulisan Jawi sekarang ini nampaknya makin lama makin pupus yang dibuat oleh pegawai-pegawai kita yang rasa saya melihatkan keadaan banyak yang telah hilang. Umpamanya kenderaan Sri Jaya yang dahulu mempunyai dengan besarnya tulisan Jawi, sekarang separuhnya ada dan separuhnya tidak ada lagi.

Dan begitu juga kenderaan-kenderaan lain. Kita tahu sekarang ini tulisan Melayu dengan tulisan Jawi sekarang, apa yang saya dapat tahu penerbitannya 30,000 sahaja. Ini pun susah hendak laku oleh kerana tulisan Jawi diabaikan. Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan kepada Menteri yang berkenaan supaya logo ini diubah balik, ditaruh tulisan Jawi sebagaimana yang asal dahulu. Tulisan Jawi ini besar maknanya kepada saya dan pula kepada negara-negara Islam kerana kapal terbang kita ini sering pergi ke Mekah dan singgah di kawasan-kawasan negara-negara Islam yang lain yang menunjukkan peribadi negara kita ini yang ada lambang, ada tulisan Jawi dan ada benderanya kerana bendera ini satunya lambang bagi tiap-tiap negara. Kalau kita pergi ke

Amerika Syarikat ataupun kita pergi ke Jerman, kita lihat bendera ini sebagai lambang, tiap-tiap bangunan mereka ini ditegakkan bendera-bendera yang begitu besar menunjukkan bendera ini untuk negara-negara itu tetapi di negara kita ini nampaknya di Bangunan Sultan Abdul Samad pun nampaknya bendera tidak ada. Sepatutnya bendera-bendera inilah melambangkan kepada negara kita sendiri yang mana orang luar akan melihat dan rakyat kita sendiri juga akan menghormati bendera tetapi sekarang ini kita lihat jarang sangat bendera-bendera ini sedangkan pada suatu masa saya dengar Kedutaan kita di London pun bendera yang sudah koyak dipasang di situ kerana tidak ada jagaan.

Oleh itu saya mengharapkan pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini supaya kapalterbang kita yang menunjukkan contoh dan teladan kepada negara lain yang mereka juga akan datang ke sini yang merasai iaitu sebagai negara yang menganut agama Islam tulisan Jawi ini mesti dipasang balik semula dan juga bendera Malaysia itu juga mesti ditampal semula ke dinding kapalterbang MAS kita yang ada pada hari ini.

Yang kedua, soal keselamatan dalam kapalterbang ini juga kita harus jaga. Sekarang kita lihat, kita dengar kapalterbang sana jatuh, sini jatuh dan sebagainya. Kita tidak tahu apa sebab-sebabnya tetapi dalam kapalterbang kita ini ada binatang. Saya rasa ada dua tiga kali saya naik dan akhirnya baru-baru ini dua tiga hari atau seminggu yang lepas saya menaiki kapalterbang Boeing 747 daripada London ke Kuala Lumpur—setahu saya kapalterbang yang bawa binatang-binatang ini ialah kapalterbang Kargo tetapi kapalterbang yang membawa penumpang pada hari itu membawa 6 ekor kuda ke Kuala Lumpur ini. Kita takut kerana kita tahu kapalterbang ini di udara. Kalau di landasan keretapi atau di jalan besar, rasa saya masalah

ini kita tidak takut tetapi di udara kita semua tahu, bila angin, cuacanya tidak baik, kapalterbang yang kita naik itu akan bergoncang ke hulu ke hilir dan kadangkala kita terhentak ke bawah "air pocket" dan sebagainya dan rasa saya binatang yang ada ini kemungkinan sekali sakala kalau dibuatnya terlepas, dia lari dalam ruang Kargo di bawah itu, saya rasa orang yang ada dalam kapalterbang itu dan kapalterbang itu sendiri pun akan jatuh atau menjunam. Ini untuk menyelamatkan nyawa manusia. Dengan kapalterbang ini sungguhpun kita hendak cari duit, saya rasa eloklah kita membawa binatang-binatang ini dengan kapalterbang Kargo. Bila saya tanya kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam kapalterbang itu, dia kata sudah taruh ubat pelali dan seterusnya tetapi saya rasa sungguhpun ada ubat pelali ini, kadangkala kita tidak tahu dalam masalah ini kalau hendak timbul. Saya haraplah perkara ini dapat perhatian untuk menjaga keselamatan penumpang-penumpang seterusnya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Gulungan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soal yang lain—hanya saya ada sedikit lagi—soal Keretapi Tanah Melayu, sedikit sahaja. Keretapi Tanah Melayu ini juga telah membeli 26 lokomotif yang akan diorder ataupun ditempah dan saya hanya sebutkan ini berhubung dengan landasan keretapi kita yang mana dua, tiga hari yang lepas di Batang Benar Negeri Sembilan keretapi kita telah jatuh. Sebelum itu pun banyak tagi gelinciran-gelinciran yang berlaku.

Ini juga saya hendak tahu apa sebab-sababnya. Dahulu kalau tidak silap saya di Batang Benar itu sendiri telah pun ada disediakan landasan-landasan kononnya landasan sleepers yang dibuat daripada konkrit iaitu daripada simen. Saya hendak bertanya sejauh

manakah kemajuan, kerana apa yang dilihat di Batang Benar sleeper-sleeper itu masih terbungkalai di situ dan belum digunakan lagi. Adakah hanya untuk dibuat cara begitu sahaja. Bilakah hendak digunakan.

Dan soal yang lain berhubung dengan keretapi ini juga tiap-tiap tahun kita lihat ia rugi, tetapi dalam masalah rugi ini juga kita tidak nampak kerugian, kalau kita lihat di bangunan Stesen Besar Keretapi Kuala Lumpur kita ini makin sehari dibuatkan dindingnya cantik dan akhir-akhirnya dibuatkan terowong di bawah tanah untuk orang berjalan kaki tetapi apa yang saya lihat membazir sahaja. Terowong yang ada pada hari ini tidak ada seorang pun hendak masuk di bawah itu. Mereka semua melintas di atas. Oleh itu saya rasa segala masatah ini yang hendak dibuat di masa yang akan datang supaya dibuat kajian lebih awal. Kita tidak mahu wang-wang yang dikatakan rugi hanya rugi di tempat yang lain bukan untuk kepentingan sebenar-benarnya untuk Keretapi Tanah Melayu.

Dan akhirnya dalam soal ini juga saya mengharapkan sungguhpun pekerja-pekerja mereka ini beranak pinak, tentang keadaan rumah-rumah mereka yang di masa ini kita lihat sungguh daif, rumah-rumah mereka ini tidak ubahlah macam seekor binatang iaitu kalau tidak silap saya Memerang, iaitu di situlah berak, di situlah makan, bermakna pintunya satu sahaja, iaitu yang dibuat pada zaman penjajah dahulu, dan biliknya masih kecil sedangkan keluarga mereka banyak. Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan supaya Keretapi Tanah Melayu dapat memperbaiki kedudukan rumah-rumah mereka sekarang ini yang begitu daif, yang pecah.

Baru-baru ini di kawasan Brickfields sendiri kawasan rumah mereka itu telah dinaiki air, air itu bukan air naik

daripada bawah, paip yang lama pecah. Saya telah pun berunding dengan pihak yang berkenaan dan mereka itu telah pun dipindahkan. Dalam masa itulah saya melihatkan keadaan rumah-rumah mereka ini begitu daif dan kita haraplah supaya pihak pekerja menjalankan tugas dengan baik dan disamping itu mereka ini mengharapkan kediaman mereka yang baik.

Dengan ini, saya rasa itu sajalah, Tuan Pengerusi, pandangan saya berhubung dengan Kementerian Pengangkutan dan saya menyokong peruntukan yang disediakan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.48ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan Kementerian Pengangkutan tahun 1988 di peringkat Jawatankuasa.

Dan saya ingin menegaskan di sini bahawa Kementerian Pengangkutan memberikan perhatian yang berat kepada semua teguran, pandangan dan ulasan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerana teguran, pandangan dan ulasan tersebut akan menjadi asas ke arah memperbaiki dan mempertingkatkan dasar dan prestasi Kementerian Pengangkutan dalam memajukan pertumbuhan ekonomi negara melalui sistem pengangkutan darat, laut dan udara serta infrastruktur yang berkaitan yang cekap, seimbang dan bersepadu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang di atas perhatian beratnya dalam menyokong usaha pembaharuan landasan Keretapi Tanah Melayu sebagai langkah ke arah mempertingkatkan keselamatan dan mengatasi masalah kegelinciran. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa pihak Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan peruntukan sebanyak \$180 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi pembaharuan landasan di sektor Slim River ke Seremban sejauh 190 km dan Paloh ke Singapura sejauh 137 km. Dari peruntukan \$73.8 juta yang dicadangkan pada tahun 1988, sebanyak \$18 juta adalah untuk memulakan pelaksanaan projek baru, iaitu pembaharuan landasan Slim River ke Seremban dan Paloh ke Singapura. Bakinya \$55.8 juta ialah untuk membiayai kerja-kerja pembaharuan landasan yang sedang dijalankan, iaitu pembaharuan landasan di sektor Sungai Yu, Tumpat sejauh 246 km yang telah pun 39% siap dan sektor Gemas-Paloh sejauh 84km, iaitu 55% telah siap.

Di samping itu, sebagai langkah ke arah mempertingkatkan kerja-kerja penyelenggaraan landasan Keretapi Tanah Melayu telah pun seperti saya menjawab dalam soalan di Dewan ini kelmarin, sebuah alat "ultrasonic flaw detector" dengan kos \$2 juta pada tahun 1988 akan didapatkan untuk mengenalpasti keretakan "thermit weld" khususnya yang menyebabkan kegelinciran di Sengkang itu dan sebagai persediaan supaya di masa-masa lain kegelinciran-kegelinciran juga tidak berlaku. Perkara ini juga tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai, iaitu mengenai kegelinciran dan saya yakin adanya pembelian alat detector ini kita akan dapat mengurangkan lagi kegelinciran seperti yang telah pun kita buktikan daripada angka-angka yang telah juga saya sebutkan di dalam

Dewan ini, angka-angka jumlah kegelinciran itu telah menurun sejak 5 tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan pemeriksaan kenderaan motor berkomputer yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sukacita saya mengatakan bahawa Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji semula sistem pemeriksaan kenderaan motor secara automatic dan berkomputer. Oleh kerana sistem ini mahal dan hanya dapat diadakan di bandar-bandar besar, manakala sistem pemeriksaan manual yang diamalkan ketika ini membolehkan pemeriksaan dijalankan di bandar-bandar kecil dan di kawasan-kawasan pedalaman. Dengan ini, secara tak langsung sistem baru pemeriksaan kenderaan mungkin akan menyusahkan pengusaha-pengusaha pengangkutan yang pada masa ini menikmati kemudahan sedemikian yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah sistem pemeriksaan lama. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan mahukan perkara ini diteliti dengan lebih mendalam sebelum dilaksanakan.

Berkaitan dengan projek seperti ini di mana Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga ada menyebut mengenai rasuah, iaitu sekiranya diadakan pemeriksaan kenderaan motor secara berkomputer, rasuah dapat dikurangkan. Sekarang ini walaupun kita menjalankan pemeriksaan kenderaan motor itu secara manual, kita melaksanakan beberapa cara supaya mengelakkan bertakunya rasuah, khususnya di bawah pemeriksaan kenderaan ini. Pemeriksaan kenderaan dijalankan oleh 3 orang pegawai yang mana sebelumnya dikendalikan oleh seorang sahaja. Tiap-tiap seorang akan menjalankan tugas mengikut aktiviti-aktiviti seperti berikut, iaitu seorang untuk pemeriksaan di atas jalanraya, seorang untuk pemeriksaan asap,

seorang untuk pemeriksaan statik, seorang untuk menandatangani sijil lulus atau gagal. Jadi, dengan adanya 4 orang bertugas bagi satu kerja itu kita dapat mengelakkan pakatan-pakatan rasuah yang dijangkakan atau disyaki boleh berlaku. Di samping itu, pemeriksaan mengejut juga dari pejabat sentiasa diadakan, ini termasuklah pemeriksaan kenderaan di luar kawasan JPJ secara rambang. Jadi, oleh kerana itu rasa saya buat sementara ini sistem manual yang dijalankan itu masih berkesan dan dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah meminta penjelasan mengenai kedudukan pelaksanaan semula alat amaran had taju. Alat amaran had laju akan dilaksanakan semula setelah had-had laju baru bagi kenderaan motor ditetapkan. Pengusaha-pengusaha kenderaan akan diberi tempoh yang mencukupi untuk mengubahsuaikan alat-alat yang sedia ada dalam kenderaan mereka kepada had-had laju baru dan tindakan-tindakan penguatkuasaan hanya akan diambil terhadap mereka selepas tempoh tersebut tamat.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menyentuh mengenai alat kelengkapan di Menara Kawalan Lapanganterbang Subang supaya dikemaskinikan. Kementerian Pengangkutan telah mengkaji sistem kawalan trafik udara dan menyediakan satu Pelan Induk untuk memoden dan mempertingkatkan sistem kawalan trafik udara bagi seluruh Malaysia. Pelan Pemodenan ini juga meliputi keperluan-keperluan Menara Kawalan di Lapanganterbang Subang. Bagi Menara Kawalan tersebut, satu program pembaharuan alat-alat kelengkapan untuk memodenkan kemudahan-kemudahan "radar display" telah didefinisikan. Walau bagaimanapun kerja-kerja untuk memoden dan mempertingkatkan sistem kawalan trafik udara bagi

seluruh Malaysia adalah dilaksanakan secara berperingkat.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menyentuh, iaitu cadangan membesarkan Lapanganterbang Subang dengan mengambilkira keperluan-keperluan Menara Kawalan. Keperluan-keperluan Menara Kawalan akan diambilkira dan cadangan pembesaran Lapanganterbang Subang oleh sebab ianya juga merupakan satu komponen projek tersebut.

Yang Berhormat juga meminta kepastian sama ada benar penerbangan melebihi 200 kaki dikawal oleh pihak Singapura dan bagaimana hal ini boleh jadi dan apa rancangan untuk mengadakan kawalan radar sendiri. Oleh kerana ruang angkasa di atas wilayah sesebuah negara itu merupakan hakmilik atau dengan izin, "sovereign right" negara yang berkenaan maka Malaysia mempunyai kuasa untuk menentukan kawalan ruang angkasa di kawasan-kawasan wilayahnya. Dengan demikian, penerbangan di ruang angkasa Malaysia adalah dikawal terus oleh Malaysia dan adalah tidak benar penerbangan yang melebihi 200 kaki di ruang udara Malaysia dikawal oleh Singapura. Sungguhpun demikian, bagi tujuan menentukan kelicinan pengawalan pergerakan lalu lintas trafik udara bagi kawasan-kawasan yang berdekatan dengan ruang angkasa negara asing, adalah perlu bagi Malaysia untuk memberikan kuasa atau dengan izin, "to delegate" menjalankan tugas-tugas mengenai mengawal ruang angkasa Malaysia pada kawasan-kawasan tertentu kepada negara yang berdekatan yang mana berkenaan. Oleh itu, bagi ruang angkasa di selatan Semenanjung Malaysia, Kerajaan Malaysia telah memberi tanggungjawab tersebut kepada Singapura memandangkan bahawa pergerakan lalu lintas trafik udara dari dan ke Singapura adalah begitu sibuk dan dengan demikian adalah

wajar ianya diselaraskan dengan pengawalan yang dilakukan oleh pihak Singapura itu, iaitu hanya sejauh 67 batu daripada Singapura sahaja bermula "delegate" kuasa itu tadi. Atas faktor-faktor teknik dan kesibukan lalulintas yang sama, Malaysia juga diberi kuasa oleh negara-negara jiran untuk mengawal ruang angkasa negara-negara jiran yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menyentuh mengenai Seksyen 15 Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang mewajibkan kenderaan yang tidak digunakan membayar Cukai Jalan. Sebenarnya Seksyen 15(2) memberi pengecualian ke atas pembayaran lesen kenderaan motor jika pengisytiharan dibuat dalam borang yang ditetapkan bahawa kenderaan itu tidak digunakan.

Ini bermakna bahawa penjual-penjual kenderaan terpakai tidak perlu bimbang kerana mereka boleh membuat perisytiharan tersebut dan mengemukakan kepada Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan yang berkenaan dan mengisytiharkan bahawa kenderaannya tidak akan digunakan. Jika ada pembeli yang hendak mencuba-uji (test drive) sesebuah kenderaan, kenderaan tersebut boleh menggunakan plat niaga (motor trade plate) semasa kenderaan itu digunakan oleh bakal pembelinya.

Peruntukan mengenai pengisytiharan tidak akan dikuatkuasakan serta merta pada 1hb Januari, 1988 sehingga persediaan mengenai pelaksanaannya siap.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah menyentuh mengenai penerbangan MAS ke Alor Setar menghadapi masalah pendaratan pada musim kemarau dan seringkali tidak dapat mendarat, kata beliau. Adalah benar bahawa penerbangan-penerbangan MAS ke Alor Setar kadangkala tergendala oleh masalah

low cloud base, dengan izin. Kementerian Pengangkutan memang sedar masalah operasi sedemikian. Untuk mengatasi masalah ini, alat pandu arah yang dinamakan VOR (Very High Frequency Omni-Directional Range), dengan izin, telah pun dipasang di Lapanganterbang tersebut pada penghujung tahun yang lalu.

Selain daripada itu, Kementerian juga mempunyai rancangan memasang approach lighting, dengan izin, di Lapanganterbang Alor Setar pada tahun 1988, sepertimana peruntukan yang ditunjukkan dalam Jadual yang kita bincangkan.

Dalam hal ini, inginlah saya menjelaskan bahawa masalah low cloud base ini tidak dapat diatasi dengan sepenuhnya walaupun alat-alat termoden dipasang. Alat-alat moden berkenaan hanya dapat mengurangkan masalah yang dihadapi itu dengan memberi lebih keyakinan dari segi pandu arah kepada juruterbang untuk membuat pendaratan.

Sebagaimana kita maklum, masalah tow cloud base ini juga dihadapi oleh lapangan-lapanganterbang lain di negara kita. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan ini, catitan daripada pihak MAS sendiri didapati bahawa dari bulan Januari sehingga September, 1987 tidak ada penerbangan yang tidak boleh mendarat di Lapanganterbang Alor Setar.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga telah mengur mengenai kakitangan MAS yang tidak memberikan layanan yang sama rata kepada semua penumpang-penumpang yang menaiki penerbangan MAS. Yang sebenarnya, MAS sentiasa memberikan perhatian demi menentukan bahawa perkhidmatan di dalam penerbangan atau inflight service, dengan izin, yang diberi bukan sahaja diadakan pada tahap yang tinggi dan memuaskan tetapi juga diberi dengan layanan yang

sama kepada semua penumpang tempatan dan penumpang asing. Dalam hal ini, Ahli Yang Berhormat dijemput mengemukakan secara spesitik keadaan-keadaan di mana beliau mendapati kakitangan MAS telah memberi layanan yang lebih kepada penumpang asing berbanding dengan penumpang tempatan supaya perkara ini dapat dirujuk kepada MAS untuk penyiataan dan tindakan.

Dalam membahaskan mengenai layanan tersebut, Ahli Yang Berhormat juga ada mengatakan bahawa tambang yang beliau bayar bagi perjalanan dari Kuala Lumpur ke London adalah lebih tinggi atau lebih mahal daripada tambang yang dibayar oleh penumpang-penumpang asing yang membuat perjalanan dengan MAS dari Sydney ke London melalui Kuala Lumpur. Yang sebenarnya perkara itu tidak benar. Tambang rasmi tiket-tiket di sektor Sydney London adalah \$600 lebih tinggi daripada tambang sektor Kuala Lumpur-London, tetapi tambang dalam pasaran mungkin berbeza, kerana adanya persaingan di antara syarikat-syarikat penerbangan dan juga di antara agen-agen yang menjual tiket-tiket penerbangan tersebut bagi sektor yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga telah menyentuh mengenai Jeti Kuala Perlis dan beliau itu nampaknya begitu resah dan hampir-hampir marah mengenai perkara ini, Saya inginlah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Jeti Kuala Perlis adalah selamat bagi kegunaan orang ramai dan ianya telah dibina hanya dalam tahun 1973.

Yang keduanya, pihak Jabatan Laut telah pun baru sahaja mempertingkatkan kemudahan-kemudahan awam di Jeti tersebut dengan mengadakan kemudahan menunggu untuk penumpang-penumpang dan penambahan kawasan

"berthing", dengan izin, bagi kapal-kapal. Peruntukan sebanyak \$450,000 telah dibelanjakan bagi kerja-kerja tersebut.

Pihak Jabatan laut juga telah menyediakan rancangan dan mempunyai peruntukan sebanyak \$4 juta bagi membeli sebuah kapal korek khas untuk mendalamkan perairan di kawasan Kuala Perlis dan Kuata Kedah. Kapal korek tersebut akan dibina pada tahun 1988 dan akan siap pada tahun 1989, tetapi keadaan di Jeti dan Pelabuhan Kuala Perlis rasanya tidaklah begitu menyusahkan.

Kementerian juga sedang merangka satu rancangan jangka panjang bagi membesarkan dan mengadakan suatu pelabuhan kecil (mini port) di Kuala Perlis. Pada masa ini cadangan-cadangan untuk projek tersebut adalah dalam pertimbangan Kerajaan sementara menunggu kajian Pelabuhan Kebangsaan dan pihak Jabatan Kerja Raya sedang menyediakan rekabentuk pelabuhan itu untuk dipertimbangkan. Adalah dijangkakan bahawa projek tersebut akan memerlukan perbelanjaan sebanyak \$12 juta bagi kerja-kerja peringkat pertama. Saya berharap Ahli Yang Berhormat bolehlah lena tidur bila balik ke kawasan nanti!

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai sebenarnya telah memuji-muji layanan-layanan dan khidmat MAS semasa beliau menaiki MAS dari London ke Kuala Lumpur baru-baru ini, kata beliau. Saya sungguh rasa gembira, sebab selepas sahaja Ahli Yang Berhormat dari Arau marah-marah, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai memuji-muji MAS. Saya rasa seronok tetapi tadi nampaknya beliau pula ada marah-marah sedikit. Walaupun begitu, saya ucapkan terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat kerana sepertimana saya katakan awal-awal tadi, kita memandang berat atas segala

pandangan dan kritik yang membina dari semua Ahli Yang Berhormat untuk panduan Kementerian mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi usaha-usaha dan projek-projek untuk pelaksanaannya.

Persoalan yang sebentar tadi ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah soal "wajah baru pesawat" iaitu lambang Sistem Penerbangan MAS iaitu katanya tak ada bendera dan tulisan Jawi. Tujuan utama wajah baru pesawat MAS ialah untuk mewujudkan imej corporate baru MAS dan menunjukkan imej Malaysia dari segi pelancongan. Sungguhpun tak ada tulisan Jawi. dan tak ada bendera, tetapi kita taruh perkataan "MALAYSIA" di situ. Ini adalah di atas keputusan Jemaah Menteri sendiri kerana kita hendak projekkan Malaysia. Jadi, dari badan kapalterbang itu kita taruh "Malaysia" supaya orang tahu "Malaysia", "Malaysia".

Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai tulisan Jawi dan bendera negara ini akan dipertimbangkan dengan serius oleh Kementerian dan akan dibawa semula kepada pengetahuan Jemaah Menteri.

Mengenai keselamatan dalam pesawat, Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam satu-satu usaha penerbangan sama ada pusat kawalan di lapanganterbang dan alat-alat kelengkapan di dalam kapalterbang itu sendiri semuanya diberikan "top priority", dengan izin, kepada keselamatan. Kerana maktumlah di udara, sedikit sahaja kesilapan kapaterbang boleh terhempas. Jadi kita tidak mahu perkara-perkara seperti ini berlaku.

Jadi, oleh kerana itu kita memang mengutamakan keselamatan dan juga ini menjadi syarat-syarat utama oleh ICAO kerana katau tidak dia tidak luluskan usaha-usaha kita itu. Tetapi

ada kemungkinan besar bahawa penerbangan yang digunakan oleh Yang Berhormat ini agaknya pesawat Combi, mungkin. Kalau pesawat Combi, inginalah saya memaklumkan bahawa dua tindakan diambil oleh MAS bagi menentukan tidak ada masalah keselamatan timbul dalam apa juga penerbangan sama ada Fokkerkah, Boeingskah, Combikah, DC-10kah atau apa juga.

Mengangkut binatang-binatang daiam pesawat adalah merupakan satu amalan biasa oleh semua syarikat penerbangan dalam perkhidmatannya. Dia tidak ada kapalterbang khas untuk mengangkut binatang kerana mungkin tidak economical, kerana tidak cukup binatang hendak diangkut dari satu tempat ke satu tempat. Dan segala usaha menentukan keselamatan supaya kuda ini tidak melompat-lompat dalam kapalterbang, itulah dikatakan sudah diberikan pelalian tadi itu. Dia tidur lena sepanjang-panjang perjalanan. Jadi beratnya itu mengikut berat yang boleh dihadkanlah. Kalau kapalterbang boleh bawa beberapa ribu kilogram, dia hadkan setakat itu. Kalau sudah sampai setakat itu, dia tidak tambahlah lagi. Itu sebab penumpang-penumpang kadang-kadang hendak bawa hand luggage berbimbib-bimbib di kiri kanan sehingga menyusahkan diri sendiri, tidak diberi orang. Kita hendak timbang semua itu supaya beratnya tidak berlebihan untuk menjaga keselamatan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa apa binatang pun boleh bawa asalkan cara-cara bawa itu betul. Bagaimana spesifikasi mengenai bau binatang? Ada binatang yang baunya lebih, ada pula baunya kurang. Jadi macam mana? Adakah ini termasuk dalam spesifikasi binatang yang dibawa dalam kapalterbang?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Spesifikasi binatang itu binatanglah macam mana hendak diberi spesifikasinya. Cuma kaedah-kaedah, cara-cara macam mana saya katakan tadi takut dia melompat-lompat, dia bergerak, kita beri pelalian supaya dia tidur. Kalau bau pula, kita spraylah dulu sebelum dia naik, jadi dia wangi. Jadi dia tidaklah berbau kepada penumpang-penumpang. Itu-kan perkara yang senang. Yang Berhormat tentu sudah terfikir sendiri.

Yang Berhormat dari Lembah Pantai tadi juga ada menyentuh mengenai kegelinciran di Batang Benar dan katanya di landasan-landasan simen banyak bertimbun-timbunan dan tidak digunakan. Ini menunggu masa program landasan itu untuk digantikan landasannya.

Yang Berhormat, kalau semuanya dicabut tidak adalah rel kita. Sebab rel kita satu sahaja belum ada lagi double. Baru satu.

Mengenai terowong tadi itu, memang mesti dibuat terowong supaya orang mengikut terowong jangan melintas rel-rel keretapi kerana kita tidak hendak kemalangan berlaku. Bila kemalangan berlaku yang kena KTM juga. Kementerian Pengangkutan juga kena jawab.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Pengerusi, penjelasan. Terowong ini merintang jalan besar atau jalanraya bukan di bawah landasan keretapi, di luar iaitu di antara Masjid Negara dan juga ke Railway Station itu. Di bawah jalan keretapi dan juga jalan besar—Jalan Sultan Hishamuddin dan berhadapan dengan Pejabat Besar Keretapi ada terowong baru.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Pengerusi, itulah sebabnya kita hendak supaya orang jangan melintas jalan kerana bahaya melintasi jalan. Tetapi nampaknya kebiasaan orang awam pada hari ini dia

malas hendak naik jejambat, yakni hendak naik jambatan itu pun dia malas, atau hendak turun pun dia matas. Bila kena atau berlaku kemalangan adalah pihak yang dipersalahkan. Jadi ini cuma untuk kegunaan dan rasa saya eloklah dalam ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya dari Wilayah Persekutuan beringatlah kepada pengguna-pengguna jalanraya kerana itu adalah salah satu kaedah bagi kita mengurangkan kemalangan jalanraya.

Mengenai rumah-rumah pekerja, memang Kementerian sedar dan KTM sendiri sedar mengenai keadaan yang setengah-tengahnya rumah-rumah itu usianya terlalu lanjut iaitu sejak zaman penjajah dulu dibina sehingga sekarang masih digunakan. Tetapi memang ada perancangan jangka panjang pihak KTM sendiri untuk memperbaharui rumah-rumah ini secara berperingkat-peringkat. Mungkin ada di setengah-setengah tempat dibina rumah-rumah pangsa kerana dalam Wilayah Persekutuan misalnya kawasannya kecil dan kita akan membina rumah pangsa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, besok pagi saya sendiri akan mengadakan diatog dengan penghuni-penghuni di kuarters Sentul.

Saya rasa saya telah pun memberikan penjelasan kepada semua perkara yang telah ditimbulkan dan sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini di bawah tajuk Pembangunan dan Mengurus, Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$130,527,900 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$130,527,900 untuk Maksud B.49 dan \$10 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$160,729,840 yang disebutkan dalam Maksud P.49 dan \$9,930,000 untuk Maksud P.50 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$160,729,840 untuk Maksud P. 49 dan \$9,930,000 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.51 dan B.52 (Jadual)

Maksud P.51 dan P.52 (Anggaran Pembangunan) ~-

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.51 dan B.52 dan Kepala Pembangunan P.51 dan P.52 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Simunjan.

4.18 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai tajuk Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak, 02500 yang jatuh di muka surat 228, Maksud Pembangunan P.51.

Banyak telah diperkatakan mengenai Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak ini terutama sekali mengenai pemindahan kuasa pentadbiran dan pengurusannya di bawah Lembaga Letrik Negara dan juga Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya rasa memandangkan kepada hakikat bahawa kos yang dikenakan kepada pengguna-pengguna di negeri Sarawak oleh Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak begitu tinggi berbanding dengan apa yang dikenakan kepada pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia oleh Lembaga Letrik Negara (LLN), maka sesuatu langkah haruslah diambil untuk menentukan perbezaan ini tidak wujud dan tidak terus wujud. Lantaran kita ialah pengguna-pengguna di seluruh negara Malaysia haruslah menikmati penyelarasan dan keadilan dari segi bayaran elektrik yang dikenakan kepada kita.

Adalah tidak adil kalau orang Sarawak dan orang Sabah yang menggunakan elektrik dikenakan bayaran yang lebih tinggi daripada pengguna-pengguna kuasa elektrik di Semenanjung Malaysia. Walaupun pemindahan kuasa ini telah lama diperbincangkan di antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak Kerajaan Negeri, tetapi setakat ini belum ada buahnya lagi, belum ada hasil daripada perbincangan itu dan belum ada lagi matlamat yang ditujui dan belum ada lagi keputusan dibuat secara spesifik dan terperinci ke arah menentukan supaya Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak ini diselaraskan dengan sistem di Semenanjung Malaysia, lebih-lebih lagi dialihkan di bawah jagaan LLN dan juga Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, oleh kerana itu, saya suka menyeru kedua pihak-pihak Kerajaan Persekutuan atau Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan juga Kerajaan Negeri untuk terus bertindak supaya hasrat ini akan dapat kita capai supaya semua peruntukan terms and conditions, dengan izin, yang sesuai dapat dipersetujui oleh semua pihak supaya pengguna-pengguna di negeri Sarawak tidak terus menderita, tidak terus merasai bahawa mereka dikenakan

bayaran yang lebih tinggi daripada pengguna-pengguna di Semenanjung Malaysia, dan mungkin setenisnya di Sabah, kerana ada ura-ura mengatakan bahawa Perbadanan Letrik Sabah pun sekarang sudah setuju untuk diletak di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ataupun pengurusan yang lain. Jadi, saya menyeru supaya kedua-dua pihak Kerajaan Negeri Sarawak atau Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak dan juga Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terus berunding supaya kebuntuan ini tidak terus-menerus berlaku dan supaya keadilan dapat kita beh.

Di samping kita mewujudkan keadilan dengan meletakkan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak di bawah Kementerian ini, saya rasa dari segi pengurusan pun harus kita jaga, kerana saya tengok di Sarawak ada beberapa orang bumiputera sahaja menjadi pengawai-pegawai eksekutif yang tinggi. Yang lainnya belum lagi. Hampir 90% lebih saya fikir pekerja-pekerja, pegawai eksekutif yang tinggi adalah bukan bumiputera, sedangkan bumiputera hanya segelintir sahaja. Jadi, ini mungkin kita sama-sama dapat memperlihatkan supaya keadilan kepada bumiputera dapat kita tentukan kerana suatu agensi ditubuhkan hak satu kumpulan kaum sahaja, tetapi seluruh. Lebih-lebih lagi dalam kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kita harus membuat sesuatu untuk menentukan supaya keadilan dalam memegang jawatan di agensi-agensi Kerajaan pun atau semi Kerajaan akan dapat kita tentukannya supaya terlaksana matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bercakap mengenai tajuk yang sama iaitu pembekalan elektrik ke rumah panjang dan juga di kawasan-kawasan luar bandar. Kita memang merasa bangga kerana Kerajaan selama ini telah mampu untuk memberi bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna di

kawasan luar bandar hinggan rumah-rumah panjang Sarawak pun dapat menikmati kemudahan seumpama ini. Namun demikian, saya rasa dari segi peruntukan yang diberi kita perlu memperlihatkan penyelarasan yang berkesan supaya bukan hanya satu kawasan sahaja yang dapat. Kita harus menentukan supaya penyiaran pemberian ini akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan menguntungkan penduduk di kawasan luar bandar termasuklah kawasan-kawasan rumah panjang.

Yang keduanya, saya lihat bahawa bukan hanya peruntukan seperti ini sahaja dipergunakan untuk memberi bekalan elektrik kepada kawasan rumah panjang, oleh kerana sangat memerlukan masa pilihanraya misal kata. Oleh kerana memerlukan sangat, peruntukan lain pun diberi oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan untuk memberi secepat mungkin supaya undi itu dapat. Jadi, amalan ini tidak sepatutnya diulangi kerana kita tidak mahu Wakil Rakyat hanya berkhidmat masa pilihanraya sahaja. Kita mahu mereka berkhidmat sepanjang mereka berkhidmat sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri selama lima tahun terus-menerus secara consistent, dengan izin.

Tuan Pengerusi, kemudian saya beralih pula kepada Butiran 02500 (02), Batang Ai Haidero Letrik.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian, walaupun peruntukan ini nampaknya tidak ada, tetapi sebab butirannya ada di sebut di sini. jadi saya hendak cakaplah — saya ingin bertanya bilakah penyiaran saluran bekalan elektrik dari Batang Ai dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Saya tengok di sepanjang jalan Kuching-Semanggang, Kuching-Sri Aman, ada transmission line, dengan izin, yang bermula daripada Batang Ai hingga ke Kuching. Kemudian saya tengok juga line yang menuju ke

kawasan saya Simunjan itupun ada, tetapi transmission line itu hanya transmission line dan aliran bekalan elektrik belum dilaksanakan. Jadi, saya ingin bertanya bilakah ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya supaya ini tidak hanya kata orang "indah khabar dari rupa". Kita mahu supaya orang Simunjan pun yang saya wakili sebagai Ahli Dewan Rakyat, menikmati juga hasil daripada kuasa elektrik Batang Ai ini.

Tuan Pengerusi, kemudian saya beralih kepada mukasurat 227, Butiran 010200, Perancangan dan Pembangunan.

Saya rasa dari segi ini kita haruslah merancang dengan teliti akan program pembekalan elektrik di negara kita. Kita telah menyebut begitu banyak mengenai Haidero-Letrik Bakun, kemudian Kenyir di Terengganu, kemudian oleh kerana kita memikirkan bahawa dengan melaksanakan projek Bakun ini nanti kita mengeluarkan bekalan elektrjk yang banyak, kita berharap akan dapat membekalkan elektrik, bukan hanya kepada negara kita sendiri tetapi kepada negara-negara lain seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan sebagainya. Jadi, ini telah begitu banyak dan lama diperkatakan, diperkatakan,

Saya tidaklah mempersoalkan projek Bakun ini baik atau tidak, hapuskan atau tidak, jangan laksanakan atau tidak, kerana Kerajaan sudah begitu lama mengatakan itu baik dan \$10,000 juta cukup walaupun mungkin dalam kita melaksanakannya nanti ia bertambah menjadi \$15,000 juta. Ini selalunya kes seperti kita buat rumah sendiripun macam itu. Mula-mula \$100,000, dalam masa dibuat rumah itu menjadi \$200,000, tambah lagi dia punya "built-in"—\$250,000. Ini mungkin berlaku juga. Walau bagaimanapun, kita hendakkan perancangan ini tidak hanya "indah khabar dari rupa", kita

hendak pelaksanaan yang berkesan supaya perancangan dan pembangunan terutama sekali yang jangka panjang akan menjadi kenyataan kepada rakyat jelata.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak berhenti. Saya ucapkan terima kasih. Walaupun saya kata saya menyokong apa yang dicadangkan, namun saya percaya yang lain pun ingin memberi komen bahawa peruntukan ini sepatutnya ditambah terutama sekali untuk membekalkan elektrik kepada kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tawau.

4.31 ptg.

Tuan Samson Chin Chee Tsu (Tawau): Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.51, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya ingin menarik perhatian kepada mukasurat 227 dalam buku Belanjawan Persekutuan. Saya hendak merujuk kepada Butiran 030000 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang terkandung dalam mukasurat 227.

Tuan Pengerusi, apabila kita perhatikan aduan-aduan yang diterima daripada orang ramai selepas setahun Syarikat Telekom Malaysia mengambilalih Jabatan Telekom, kita akan mendapati bahawa penswastan tidak menjadikan Jabatan tersebut lebih cekap dan produktif. Tetapi sebaliknya, ia lebih menghampakan dengan pertambahan bayaran wang pendahuluan bil telefon dan perkhidmatan yang diberi pula adalah buruk.

Tuan Pengerusi, beratus-ratus ribu pelanggan-pelanggan telefon, khasnya syarikat-syarikat komersial telah

membayar begitu banyak amaun wang sebagai wang pendahuluan dengan STM. Wang pendahuluan itu adalah jaminan terhadap pembayaran bil-bil telefon, tetapi apakah sebenarnya berlaku kepada wang yang dikutip itu? Bolehkah para pelanggan memperoleh faedah yang terakru daripada wang pendahuluan itu?

Tuan Pengerusi, terdapat banyak kes khasnya di Tawau, di mana pihak STM enggan menerima jaminan bank bagi wang pendahuluan daripada pelanggan-pelanggan komersial. STM hanya menerima wang tunai atau "bank draft", sekiranya tidak, talian telefon tidak diberi. Ini menunjukkan bahawa pihak STM menganggap wang-wang pendahuluan itu sebagai satu sumber pendapatan untuk dilaburkan mengikut budibicara dan bagi faedahnya sendiri, dan bukan sebagai jaminan terhadap kegagalan menjelaskan bil-bil telefon.

Tuan Pengerusi, masanya telah sampai bagi STM untuk menerangkan dan menjelaskan kepada pelanggan-pelanggan tentang apa yang berlaku kepada berjuta-juta ringgit yang ditehna sebagai wang pendahuluan dan sama ada faedah yang terakru akan dibayar kepada pelanggan-pelanggan akhirnya.

Ramai pelanggan-pelanggan teleton di Tawau telah mengadu tentang ketidakcekapan STM. Dalam satu kes di Tawau, seorang pelanggan komersial yang jarang menggunakan telefonnya menerima bil telefon sebanyak \$1,500 berbanding dengan bil bulanannya yang biasanya adalah kira-kira \$200. Seorang pengguna lain di Tawau juga terkejut apabila ia menerima bil sebanyak \$500 bagi 200 panggilan jauh yang kononnya dibuatnya, padahal beliau tidak pernah membuat panggilan-panggilan tersebut.

Tuan Pengerusi, seorang tuan punya rumah di Tawau masih menuntut satu penjelasan daripada pihak STM

tentang mengapa pihak STM tidak menamatkan perkhidmatan telefon sedangkan penyewa rumahnya telah gagal menjelaskan bil-bil telefon selama 3 tahun yang mana jumlah amaunnya ialah \$3,000. Disebabkan penyewa berkenaan telah pun mengosongkan rumah tersebut dan kini tidak dapat dikesankan, apakah tuan punya rumah berkenaan terpaksa menjelaskan amaun yang besar itu akibat ketidakcekapan kakitangan STM?

Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk kepada Butiran 03200, mukasurat 228 mengenai Lembaga Letrik Sabah.

Adalah diakui bahawa semenjak Lembaga Letrik Sabah terletak di bawah kawalan Kerajaan Pusat pada 1hb Januari, 1984, Lembaga tersebut telah mengalami kerugian yang besar akibat perkhidmatannya yang buruk itu. Ini pula menyebabkan Lembaga tersebut menanggung hutang yang besar akibat pinjaman-pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan dari institusi-institusi luar negeri yang mana kesemua pinjaman ini adalah berjumlah kira-kira \$382 juta. Memandangkan kepada ini, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk:

- (a) membayar bil pinjaman-pinjamannya kepada Kerajaan Negeri yang diperolehi sebelum Lembaga Letrik Sabah dijadikan agensi Persekutuan dan bagaimanakah pula pinjaman-pinjaman luar negeri itu akan dijelaskan?
- (b) bagaimanakah Lembaga tersebut ini mendapatkan balik wang sebanyak \$78 juta yang masih belum dijelaskan oleh pengguna-pengguna elektrik di Sabah?

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kerugian kira-kira \$50 juta yang dialami tahun lalu sahaja, bolehkah

Kerajaan Persekutuan menjelas dan menerangkan bagaimanakah kerugian yang begitu besar boleh ditanggung dan apakah langkah-langkah, jika ada, yang diambil untuk mengelak kerugian-kerugian seumpama itu daripada berlaku dalam masa akan datang?

Akhirnya, bilakah penduduk-penduduk negeri Sabah boleh mengharapkan penurunan dalam tarif elektrik dalam ertikata sebenarnya yang mana penurunan ini telah pun dinikmati begitu lama oleh penduduk-penduduk di Semenanjung Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Terap. Lepas itu Yang Berhormat dari Arau, kemudian Yang Berhormat dari Sungai Besi dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.41 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 227, Maksud Bekalan B.51, Butiran 030000 di bawah projek Kawalselia Telekom.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah command structure yang sebenar di antara Kementerian dengan Syarikat Telekom Malaysia, yang dahulunya adalah satu Jabatan Kerajaan. Kalau dahulu ianya merupakan satu Jabatan Kerajaan yang mana Kementerian mempunyai kawalan yang terus menerus ataupun direct command. Adakah ini wujud pada masa ini? Jabatan Telekom sudah menjadi Syarikat Telekom Malaysia iaitu Syarikat Sdn. Bhd. yang dikawal oleh satu Lembaga Pengarah. Saya bertanya demikian kerana saya diberitahu oleh seorang kontraktor yang disuruh oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Pos dan Telekom berjumpa dengan Pegawai atau seorang pengurus Syarikat Telekom

Malaysia untuk berbincang mengenai satu kerja kontrak. Dalam perbincangan ini timbul sedikit perselisihan faham dan kontraktor ini menyebut tentang dasar-dasar Kerajaan. Pegawai berkenaan terus menjawab bahawa beliau tidak peduli dengan dasar-dasar Kerajaan kerana Syarikat Telekom Malaysia bukan lagi diarah oleh Menteri.

Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan tentang hal pengawalan ini supaya dapatlah pihak awam mengetahui tentang kedudukan Syarikat Telekom Malaysia. Adakah STM ini bebas dari kawalan Kerajaan seperti mana yang didakwa oleh seorang Pengurus dari Syarikat Telekom Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya ingin merujuk pula kepada Butiran 010000 di bawah Program 010200 iaitu Perancangan dan Pembangunan di bawah Kementerian ini, di mukasurat yang sama. Saya tahu bahawa Kementerian Tenaga Telekom dan Pos adalah satu-satunya Kementerian yang mempunyai bilangan jurutera yang terbanyak di antara Kementerian-kementerian di negeri kita ini dan boleh dikatakan jurutera-jurutera yang berjumlah lebih dari 1,000 orang itu adalah jurutera-jurutera yang terlatih dan berpengalaman dengan mempunyai ijazah-ijazah lanjutan yang tertentu. Saya ingin tahu banyak manakah kerja-kerja di dalam LLN ataupun Telekom yang diberi kepada syarikat-syarikat consultant luar termasuk syarikat consultant-consultant asing? Apakah justifikasi yang kerja-kerja ini diberi kepada syarikat-syarikat consultant ini? Apakah ianya disebabkan oleh ketiadaan ataupun bilangan jurutera-jurutera dalam Kementerian kurang ataupun disebabkan oleh kepakaran yang kurang di kalangan jurutera-jurutera yang ada di dalam Kementerian Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa dengan banyaknya bilangan jurutera-jurutera ini yang ada di dalam Kementerian, patut sangatlah diwujudkan satu unit khas iaitu satu unit untuk menjalankan kerja-kerja in house consultancy, dengan izin. Ini tentu sekali akan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan di zaman ekonomi genting ini. Oleh itu saya mencadangkan siipaya usaha-usaha ini dibuat dahulu di dalam bidang-bidang yang tidak memerlukan banyak penggunaan teknologi-teknologi tinggi seperti dalam Rancangan Mini Haidero, iaitu seperti mana yang dicatit di sini di mukasurat 228, Maksud Pembangunan P.51, di bawah Butiran 01100.

Saya pasti bahawa dengan wujudnya unit ini, kita akan dapat membina kepakaran jurutera-jurutera kita supaya satu hari nanti dapatlah kita mengurangkan pengantungan pengetahuan dan keilmuan ini kepada jurutera-jurutera negara asing. Kita harus mencontohi Korea Selatan yang 15 tahun dahulu adalah lebih mundur daripada kita, tetapi sekarang bukan sahaja barang-barang industrinya yang dieksport, malah kepakaran dan keilmuan juga dieksport oleh negara itu dan satu daripada negara yang mengimportnya ialah negara kita.

Tuan Pengerusi, mengenai mini haidero yang saya sebutkan butirannya tadi, saya ingin tahu setakat ini berapakah bilangan projek yang telah disiapkan dan juga yang sedang dalam perlaksanaan serta yang dirancangkan di seluruh negara. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pecahan-pecahan mengikut negeri untuk seluruh negara dan juga berapakah bilangan keluarga yang telah dan akan mendapat manfaat ini di seluruh negara. Saya juga ingin tahu selain dari kuasa air, adakah Kerajaan bercadang menggunakan sumber-sumber tenaga lain iaitu sumber-sumber murah seperti pembakaran kayu efil-efil

ataupun di negara kita dipanggil kayu pokok petai belalang yang senang dan murah ditanam di kawasan-kawasan pendalaman dan di kawasan-kawasan tanah yang marginal fertility, dengan izin. Sumber ini banyak digunakan di negara Filipina dan telah dibuktikan tentang kejayaannya.

Penggunaan kayu petai belalang ini sebagai bahan pembakar yang murah, bukan sahaja memberi kemudahan kuasa elektrik di kawasan pendalaman yang miskin, malah ianya dapat membuka ruang ekonomi lain di kalangan penduduk-penduduk miskin di desa yang memerlukannya. Misalnya, daun petai belalang dapat dijadikan makanan binatang yang paling berkhasiat kerana content proteinnya, dengan izin, adalah amat tinggi.

Oleh itu, di samping Kerajaan membekalkan tenaga elektrik murah, dari sumber yang murah, pembangunan ekonomi di kawasan yang berkenaan iaitu di kawasan-kawasan pendalaman yang miskin dapat dicetuskan. Adakah kemungkinan ini dikaji oleh pihak Kementerian?

Tuan Pengerusi, berbalik ke mukasurat 227, di bawah Maksud Bekalan B.51, Butiran 010000, Prpgram 010100—Pentadbiran Am yang mendapat peruntukan \$35.9 juta lebih kurang.

Tuan Pengerusi, saya masih tidak puas hati dengan prestasi pemasangan elektrik dan telefon untuk pelanggan-pelanggan baru pada masa ini. Saya sungguh menghargai usaha-usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyelaraskan dan mengemaskinikan pentadbiran LLN tidak berapa lama dahulu, khususnya dalam perkara meter elektrik. Saya mengambil peluang ini memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri masalah ini masih lagi wujud, misalnya di Kompleks PERUDA di bandar Alor Setar. Peniaga-peniaga masih

lagi menunggu pembekalan tenaga elektrik semenjak 7 bulan yang lalu. Sebab kelambatan ialah meter elektrik tidak ada di dalam stok. Itu sahaja sebabnya.

Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau pembekal yang ada sekarang terus menerus tidak dapat membekalkan meter-meter ini pada masa yang dikehendaki, tambahkanlah sahaja bilangan pembekal-pembekal meter ini. Mengapa harus diberi monopoli kepada satu pembekal sahaja ataupun kepada satu syarikat sahaja yang mengimport meter-meternya dari Britain? Padahal meter-meter yang sama mutunya tetapi murah harganya boleh didapati dari negara-negara Timur Jauh seperti dari Korea Selatan, Jepun dan Taiwan.

Saya dapat tahu bahawa meter-meter dari negara-negara Timur Jauh ini selalunya tidak lulus di dalam ujian-ujian yang dibuat oleh jurutera-jurutera Kementerian. Saya ingin tahu apakah standard kita ini terlalu tinggi sehinggakan meter dari Jepun, dari Korea dan dari Taiwan tidak layak digunakan dan tidak mempunyai tempat langsung di dalam masyarakat pengguna kita, padahal standard of living di negara-negara ini adalah lebih tinggi dah negara kita. Tentu ada satu-satu sebab mengapa meter-meter dari Britain ini dipilih dari tahun ke tahun bermula dari LLN wujud dahulu lagi. Perkara ini berlaku juga di dalam Kementerian Kerjaraya iaitu di dalam kes meter-meter air.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya ingin mencadangkan satu esperiment dibuat oleh Kementerian, khususnya diawasi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri di mana dipilih secara rambang jurutera-jurutera dan teknisyen-teknisyen dari luar Kuala Lumpur dan dari luar Selangor untuk menjalankan ujian-ujian ini tiap-tiap kali exercise tender dilakukan. Kalau dengan cara begini

meter-meter dari Britain menang juga, maka kesangsian yang ada di kalangan orang ramai akan dihapuskan.

Tuan Pengerusi, dengan hujah-hujah ini, saya ingin menyokong peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau.

4.51 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Maksud Bekalan 51 Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos di bawah Butiran 010000, Aktiviti/Program 010200 Perancangan dan Pembangunan. Saya ingin menyentuh terus di bawah Butiran 00500 Projek Terengganu Haidero Letrik dan juga 01100 Rancangan Mini Haidero.

Tuan Pengerusi, tajuk perbahasan saya ialah bimbang. Saya sekarang ini sampai ke peringkat bimbang oleh kerana manusia yang dicipta oleh Allah akal pemikiran yang tinggi sekarang ini sedang berlumba-lumba di antara Kementerian dan juga agensi untuk merosakkan alam semulajadi. Kerajaan-kerajaan Negeri terus dengan usaha-usaha mereka untuk mengawal kawasan hutan dan tanah. Kemudian Kementerian Kemajuan Tanah dan Pembangunan Wilayah berusaha membuka hutan. Kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri pula berusaha menenggelamkan hutan untuk mengadakan mini haidero elektrik.

Tuan Pengerusi, kebimbangan ini menunjukkan bahawa satu hari nanti kita tidak akan ada lagi sumber-sumber semulajadi ini. Saya rasa waswas dan keliru mengapakah kita memberi penumpuan hanya kepada haidero elektrik.

Tadi Yang Berhormat dari Sarawak telah menyentuh bahawa Projek Bakun sahaja akan dapat menampung seluruh Malaysia, bukan sahaja Sabah

dan Sarawak sehingga dicadangkan untuk dieksport. Kalau sekiranya projek itu akan berjalan, mengapa kita harus lagi meninjau kawasan-kawasan lain termasuk satu kawasan yang dicadangkan di Terengganu baru-baru ini kerana saya rasa kalau sampai satu masa perkara-perkara ini dijalankan, tidak ada pihak pun di kalangan Kementerian dan juga Kerajaan berusaha secara bersungguh-sungguh untuk mengimbangkan keadaan semula jadi ini balik. Perkara ini penting diberi perhatian. Saya sedar bahawa kita memerlukan kuasa, kita memerlukan elektrik tetapi dalam masa yang sama sumber-sumber kita ini makin terhad.

Tadi Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyebut di bawah Butiran 010200 Perancangan dan Pembangunan. Kita mempunyai ramai jurutera-jurutera yang boleh memikirkan sumber-sumber tambahan. Tadi beliau menyebutkan pokok petai belalang. Sekarang saya hendak sebut bahawa banyak lagi perkara-perkara yang berhubung dengan sumber tenaga tambahan ini yang perlu difikirkan yang mana negara-negara lain sekarang ini mengambil faedah daripadanya. Kita tahu bahawa Allah mencipta sesuatu benda itu mesti ada tambahan dan juga imbalan dari masa ke semasa, Kalau tidak kiamat dan tidak ada lagi. Kalau tidak ada tenaga, bermakna manusia berperang semasa sendiri, selepas itu manusia semua mati—habis—kira kiamat.

Tenaga minyak di dunia dijangka habis dari 20 ataupun 30 tahun. Selepas 20 ataupun 30 tahun ke mana kita? Haidero elektrik cuma negara-negara di Khatulistiwa termasuk Malaysia selepas kita tenggelamkan Projek Bakun dan juga dua, tiga tempat, kita juga akan kehilangan tempat-tempat untuk ditenggelamkan lagi. Penduduk semakin bertambah, 100 tahun lagi kita akan mendapat 70 juta. 70 juta penduduk akan menggunakan tenaga

elektrik. Kita tidak ada pilihan melainkan memikirkan sumber-sumber tambahan ini.

Di Afrika kita lihat oleh kerana kesusahan mendapatkan bahan tenaga, mereka menggunakan tahi lembu untuk menjadi bahan bakar. Jadi, tak bolehkah kita fikir benda-benda yang sama.

Katanya di Malaysia ini kuasa angin tak boleh dibuat seperti negeri Belanda oleh kerana anginnya bertiup meratarata hala, tetapi perkara ini boleh difikirkan. Kita juga boleh menyediakan kipas yang boleh berlari ke merata-rata mengikut kehendak angin. Jadi, janganlah mencari alasan yang orang kata sebetum kita mencuba. Yang 1,000 orang jurutera-jurutera ini harus digunakan dengan sepenuhnya untuk memikirkan sumber-sumber tambahan.

Di antara sumber tambahan selain daripada petai belalang ialah sekam. Sekam sekarang ini dibuang. Di Thailand sekam ini digunakan untuk kegunaan kilang padi yang berkenaan dan di samping dapat menampung kegunaan bagi kampung-kampung yang berdekatan. Di Malaysia belum ada percubaan. Ada satu percubaan di Kedah tetapi dibuat oleh pihak lain, bukan pihak Lembaga Letrik Negara.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya sungguh-sungguh meminta kepada Yang Berhonnat Timbalan Menteri yang juga salah seorang yang berkelulusan tinggi, sama-sama berfikir sumber-sumber tenaga selepas 20-30 tahun nanti, setelah kita ketepikan—cukuplah sekarang ini kita tenggelamkan kawasan-kawasan hutan untuk mendapatkan kuasa elektrik. Kita harus memikirkan sumber-sumber lain kerana satu masa nanti kalau semua hutan tenggelam, Kementerian Yang Berhormat tenggelamkan di peringkat atas, di peringkat bawah FELDA membuka, jadi di mana ada hutan, Selepas itu bila berlaku banjir JPT pula terpaksa

membina empangan-empangan kecil, akhirnya seluruh Malaysia akan banjir oleh kerana tidak ada kawasan tadahan, kawasan yang boleh menahan air-air untuk mengalir.

Saya cadangkan supaya perancangan dan pembangunan—saya rasa \$1,001 juta ini tidak mencukupi, memikirkan perkara-perkara lain, sumber-sumber tambahan yang lain yang boleh menampung masalah kuasa.

Sepuluh tahun yang dahulu pun orang telah membincang krisis tenaga, sampai sekarang pun orang membincang krisis tenaga. Jadi, sekarang ini oleh kerana orang masih lagi bergantung kepada sumber-sumber seperti minyak dan juga sumber-sumber asli hidro elektrik ini, jadi orang tak berapa bimbang sangat tetapi akan sampai masa bahawa krisis ini akan menjadi krisis yang sebenar.

Pada masa sekarang krisis ini adalah krisis dalam newspaper sahaja. Jadi, saya sungguh-sungguh meminta supaya bahagian ini membuat perancangan dan juga kajian yang teliti dan sampailah masanya pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menghentikan usaha-usaha menenggelamkan kawasan-kawasan hutan untuk mendapatkan kuasa elektrik. Beri tumpuan kepada Projek Bakun supaya projek yang berkenaan dapat menampung masalah tenaga di seluruh Malaysia.

Saya juga bersetuju dengan kawan saya dari Padang Terap sebab saya pun sudah tersama nampaknya mengenai masalah meter. Beliau menyebut Taiwan dan juga Korea. Saya hendak menyebut Thailand. Saya hairan apa bezanya di antara meter yang dibuat di negara-negara yang berkenaan dengan meter yang dibuat di Malaysia. Orang Thai pun hidup bahagia juga menggunakan meter yang berkenaan, malah harga meter mereka lebih rendah dua kali ganda daripada meter yang kita gunakan di Malaysia dan

perkara ini harus difikirkan. Saya tak tahu mungkin dari segi piawaian meter daripada Great Britain itu memang sesuai dengan pemikiran dan mata—saya rasa, bukan dalam bentuk kegunaan yang sebenar. Jadi, biarlah kita ada pilihan, dengan itu kita boleh dapatkan dengan harga yang murah.

Jadi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sentiasa mempunyai rangka perancangan yang global, dengan izin, supaya memikirkan di samping menjalankan projek-projek dan juga program-program yang diluluskan oleh Parlimen memikirkan sumber tambahan tenaga untuk kegunaan rakyat Malaysia. Dengan pemikiran yang bernas daripada Yang Berhormat, bukan sahaja generasi sekarang akan mendoakan Kementerian ini sentiasa hidup, termasuk Yang Berhormat, termasuk generasi yang akan datang akan berterima kasih kepada kita-kita hari ini yang telah menyediakan kemudahan-kemudahan yang boleh mendatangkan keselesaan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Besi. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.01 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, perkara yang saya ingin bangkitkan ialah satu perkara yang menyentuh kebajikan penduduk-penduduk setinggan. Ini berkaitan dengan satu keputusan yang dibuat oleh Syarikat Telekom Malaysia Bhd. pada 19hb Ogos, 1987 yang menolak semua permohonan untuk memberikan perkhidmatan telefon bagi rumah-rumah setinggan bermula dari tarikh tersebut di atas. Keputusan yang diambil oleh STM amat mendukacitakan. Sejauh yang saya faham dasar yang melibatkan semua

penempatan setinggan seluruh negara yang bermakna jika keputusan dipinda atau dimansuhkan, setinggan di seluruh negara tidak akan mampu menikmati kemudahan perkhidmatan telefon bersendirian pada masa hadapan.

Apabila perkhidmatan telefon diswastakan sejak awal tahun ini, rakyat menjangka STM boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik dan perkhidmatan yang bermutu. Adalah diharap dengan program penswastaan, perkhidmatan telefon akan lebih selesa, murah dan mudah disediakan untuk orang ramai. Semua harapan demikian memang dijangka dirasakan oleh penduduk setinggan atas sebab bahawa rumah-rumah setinggan sangat sukar mendapatkan kelulusan untuk pemasangan telefon sendiri. Pada masa lalu walaupun borang permohonan telefon oleh setinggan terlonggok di Pejabat Telekom, mereka selalu dilupakan. Hanya apabila setelah lama menunggu perkhidmatan telefon baru mungkin boleh dipasang, jika terdapat kabel telefon yang berlebihan dalam sesuatu kawasan yang tertentu.

Tuan Pengerusi, bagi setinggan-setinggan yang meminta perkhidmatan telefon ada yang diluluskan sebelum 19hb Ogos tahun ini dan ada yang belum diluluskan. Pada mereka yang belum diluluskan, mereka diberitahu bahawa mereka boleh mendapat telefon sedikit masa lagi. Walau bagaimanapun, akibat peraturan Kementerian, STM memutuskan untuk menangguhkan dahulu dan memberhentikan pemerosesan permohonan telefon oleh setinggan-setinggan. Saya diberitahu bahawa ramai setinggan dalam Kuala Lumpur yang dijangka diluluskan permohonan mereka dalam bulan Ogos tahun ini tidak berupaya mendapat kemudahan kerana keputusan tersebut. Saya juga diberitahu oleh STM bahawa syarikat tidak mahu mengamalkan sikap diskriminasi terhadap setinggan. Lagi

pun sebagai pertubuhan yang keuntungan menjadi objektifnya untuk memberikan perkhidmatan telefon kepada orang ramai keseluruhannya, dengan satu tujuan untuk mendapat lebih keuntungan, akan tetapi akibat peraturan Kementerian ia terpaksa mematuhiya dan menolak permohonan setinggan.

Jabatan Telekom menerangkan kepada saya bahawa mereka terpaksa mengarahkan STM supaya jangan memasang telefon bagi rumah-rumah setinggan atas sebab menerima bantahan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang tertentu. Apabila ditanya mengapa Kerajaan Negeri yang berkaitan berbuat demikian, sebabnya ialah Kerajaan Negeri ini takut bahawa sebaik sahaja perkhidmatan teletbn diberikan ke kawasan-kawasan setinggan, keluarga setinggan enggan berpindah dari rumah mereka apabila tanah hendak diambil balik oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada asas bagi Kerajaan Negeri menaruh kebimbangan. Saya percaya bahawa selagi penduduk setinggan diberikan penempatan semula yang memuaskan, mereka tidak akan menyusahkan pihak berkuasa. Lebih-lebih lagi di samping terdapat kemudahan asas seperti bekalan air paip dan elektrik dalam banyak kawasan setinggan, tambahan perkhidmatan telefon adalah adil dan perlu jika taraf dan mutu kehidupan setinggan hendak ditingkatkan. Walaupun kewujudan setinggan secara haram apabila seseorang memperkatakan dari sudut undang-undang, akan tetapi adalah benar bahawa kebanyakan rumah setinggan dibina sejak berpuluh-puluhan tahun lalu dan dalam masyarakat moden perkhidmatan telefon menjadi penting dan sesuai untuk perhubungan dan atas prinsip ini maka kaum setinggan patut diberikan perkhidmatan telefon. Saya suka menjelaskan di sini adalah sukar kawasan setinggan untuk berhubung dengan kawasan lain kerana tidak ada

perkhidmatan pos bagi kebanyakan kawasan setinggan. Itulah sebab mengapa telefon amat diperlukan, terutama tatkala berlaku kecemasan.

Tuan Pengerusi, saya menyeru Kementerian supaya bersimpati dengan' keadaan setinggan-setinggan. Adalah sangat sesuai jika peraturan untuk menafikan perkhidmatan telefon bagi setinggan-setinggan dibatalkan dengan serta-merta. Kementerian patutlah mengambil daya usaha membincangkan perkara ini dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan tujuan untuk menyedarkan mereka supaya tidak membantah perkhidmatan telefon diberikan dalam kawasan setinggan, dalam semangat kepentingan awam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

5.08 *ptg.*

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi bangun untuk memberikan pandangan dan juga saranan-saranan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Pengerusi, saya sesungguhnya merasakan bahawa peranan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membawa perkara-perkara seperti yang telah diperkatakan itu adalah satu tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Rintihan yang dirasakan oleh masyarakat untuk disuarakan di Dewan yang mulia ini untuk maklumat, perancangan dan tindakan pihak Kementerian keseluruhannya dan juga mereka yang bertanggungjawab secara langsung untuk mengatasi apa jua masalah yang dihadapi oleh masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya, perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli dari Simunjan, mengenai masalah tarif yang tinggi di negeri Sarawak. Adalah diakui bahawa tarif di negeri tersebut dari segi perbandingannya adalah lebih tinggi dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah, dan pada hah ini keadaannya adalah tidak selaras dan satu daripada perkara besar mengapa ianya wujud, untuk maklumat Dewan ini ialah bahawa Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak adalah di luar bidang kuasa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hingga kini. Walaupun rundingan mengenai kemungkinan supaya Perbadanan tersebut diletakkan sebagai satu badan Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah dibuat beberapa lama yang lalu, tetapi ianya tertangguh oleh sebab perkara-perkara yang belum dapat dipersetujui di antara semua pihak.

Pihak Kementerian mengambil saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan untuk meneruskan usaha tersebut supaya akhinya apa yang dapat dilakukan ialah kepakaran yang ada di negara kita ini, sama ada di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dari segi teknikalnya dan seterusnya apa jua sumber alam yang ada di negeri Sarawak dari segi pembekalan letrik dapat digunakan dengan secara optima sebegitu rupa supaya bukan sahaja rakyat negeri Sarawak mendapat bekalan letrik pada kadar yang lebih wajar, tetapi dapat dirasakan sama oleh rakyat Malaysia daripada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan iatiu bekalan letrik di luar bandar. Saya percaya Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa peruntukan untuk bekalan letrik luar bandar datangnya dari Kementerian Pembangunan

Negara dan Luar Bandar dan pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bertanggungjawab untuk melaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bekalan letrik di luar bandar mungkin bersumberkan daripada sistem grid yang ada di Semenanjung ini yang mungkin boleh dibawa dan disambung ke luar bandar kalau sekiranya sistem grid itu agak dekat dengan kampung-kampung di luar bandar.

Kemudian bekalan juga boleh dibuat dengan mewujudkan stesen luar bandar jika sekiranya kampung-kampung tersebut agak jauh daripada sistem grid. Dan kalau tidak, stesen luar bandar yang menggunakan minyak ada tempat-tempat di mana sama ada Lembaga Letrik Negara ataupun Lembaga Letrik Sabah menggunakan sistem mini hydro untuk membawa bekalan elektrik ke kampung-kampung yang terpenril. Hingga kini lebih kurang 70% daripada kawasan luar bandar telah dibekalkan dengan tenaga elektrik, ada lebih kurang 30% lagi. Dan apabila kita beralih dari masa ke semasa daripada tempat ke tempat, maka kos untuk membekalkan elektrik ke luar bandar makin lama makin meningkat. Walaupun begitu kita menjangka bahawa kalau sekiranya pada purata 45,000 keluarga mendapat bekalan elektrik setahun dalam masa 5-10 tahun yang akan datang, maka adalah dijangka bahawa menempuh tahun 2000 boleh dikatakan bekalan elektrik akan sampai ke merata negara kita ini.

Tuan Pengerusi, membawa bekalan elektrik ke luar bandar merupakan satu dahpada usaha Kerajaan supaya masyarakat luar bandar dapat menikmati pembangunan negara, saya percaya Yang Berhormat juga bersetuju dengan saya bahawa Kerajaan tidak teragak-agak untuk meneruskan usaha membawa bekalan elekthk ke luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan Projek Haidero Letrik Batang Ai, yang telah siap, usaha untuk penghantarannya dan juga pembahagian sedang dibuat ke Kuching, dan adalah dijangka akan dapat disalurkan bekalan elektrik daripada Haidro Letrik tadi ke Kuching pada masa yang akan datang.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Simunjan menyentuh tentang perancangan dan dikaitkan dengan Projek Bakun,

Tuan Pengerusi, izinkan saya maklumkan bahawa dalam masa 12 tahun yang akan datang, kita memerlukan lebih kurang 2,900 megawatt tenaga elektrik, berdasarkan kepada pembangunan yang mungkin berlaku dan keperluan masyarakat terhadap bekalan elektrik. Kemampuan yang ada pada hari ini ialah lebih kurang 4,000 megawatt yang telah digunakan lebih kurang separuh daripadanya. Ini bermakna bahawa kita perlu membuat perancangan dalam masa 10 tahun yang akan datang supaya bekalan elekthk di negara kita ini akan mencukupi untuk menampung pembangunan negara. Oleh yang demikian, kita memikirkan apakah projek-projek sama ada besar ataupun kecil yang perlu dirancang dengan teratur supaya dapat membekalkan jumlah yang saya sebutkan tadi. Projek-projek yang pernah disebut ialah Projek Haidero di Bakun dan pada hari ini kita sudah mendapat kajian yang belum lagi lengkap, tetapi sudah cukup untuk memberi petunjuk-petunjuk tentang faedah dan kos daripada projek tersebut.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa projek tersebut dijangka menelan belanja yang begitu banyak. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan perlu memikirkan sebaik-baiknya apakah alternatifnya apabila dikira dari segi kos dan faedahnya ada alternative yang lebih baik lagi selain daripada projek seperti Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tawau yang menyentuh tentang soal deposit, dengan izin, yang perlu dibuat oleh pengguna untuk mendapatkan bekalan elektrik.

Ingin saya memaklumkan di sini, bahawa dalam soal membayar pendahuluan ini, ini merupakan bukanlah amalan Syarikat Telekom Malaysia, bahkan ia adalah merupakan warisan daripada apa yang telah diamalkan oleh Jabatan Telekom Malaysia. Sekadarkan ini adalah merupakan satu daripada langkah-langkah yang perlu dibuat oleh Syarikat Telekom Malaysia supaya mengemaskinikan cara mereka mengendalikan perkhidmatan mereka sebegitu rupa, supaya mereka dapat membuat apa juga langkah-langkah bagi mengatasi masalah yang mungkin timbul pada masa-masa yang akan datang. Satu daripada caranya ialah menentukan pendahuluan itu dengan secara purata beberapa bulan bil seseorang pelanggan, dengan harapan supaya jika sekiranya berlaku bayaran yang tertangguh ataupun bekalan yang terpaksa ditamatkan, maka sekurang-kurangnya pendahuluan itu merupakan sebagai bayaran kepada bil-bil yang tertangguh yang tidak dibayar.

Tuan Pengerusi, ini adalah merupakan cara yang paling minima yang perlu dibuat oleh mana-mana syarikat yang berniaga sekurang-kurangnya dapat membuat cagaran ataupun persiapan supaya tidaklah menanggung kerugian yang begitu banyak, kalau sekiranya wujud masalah bayaran yang tertangguh ataupun bekalan yang terpaksa ditamatkan.

Mengenai aduan-aduan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan bil yang tidak patut berjumlah \$1,500 walaupun pengguna

mengatakan bahawa mereka tidak menggunakan telefon tersebut, kemudian sama ada pemilik rumah perlu membayar ataupun pengguna telefon yang perlu membayar. Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat dari Tawau untuk melaporkan kes-kes yang specific itu kepada pihak Kementerian saya untuk dikaji dengan cara terperinci.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Tawau menyentuh tentang hutang Lembaga Letrik Sabah.

Tuan Pengerusi, selepas diambil alih oleh Kementerian Tenaga Telekom dan Pos, maka prestasi Lembaga Letrik Sabah daripada setahun ke setahun nampaknya lebih meyakinkan. Walaupun begitu pihak Lembaga Letrik Sabah menanggung hutang yang begitu banyak dan merujuk kepada hutang Lembaga tersebut kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa persetujuan telah dibuat di antara semua pihak bahawa hutang Lembaga kepada Kerajaan Negeri Sabah hendaklah dikira sebegitu rupa supaya ianya dibandingkan dengan harta dan tanggungan Lembaga Letrik tersebut apabila diambil alih oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, jika sekiranya didapati bahawa harta dan tanggungan itu akhirnya menunjukkan bahawa ianya mempunyai nilai-nilai negatif, maka telah dipersetujui bahawa tidak payah Kerajaan Persekutuan untuk membayar hutang-hutang tersebut. Dan usaha untuk mengira nilai-nilai aset ataupun harta dan tanggungan sedang diusahakan oleh kedua-dua belah pihak, iaitu Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Sabah dan tidak berapa lama lagi nilai-nilai tersebut akan kita rumuskan untuk menentukan sama ada hutang Lembaga kepada Kerajaan Negeri Sabah perlu dibayar ataupun tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tawau, hingga kini hutang Lembaga daripada sumber sumber luar negeri sentiasa dapat dibiayai, dapat dipenuhi daripada tahun ke tahun hingga kini kita berasa sukacita kerana berupaya membayar hutang-hutang tersebut dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejak tiga tahun kebelakangan ini sekurang-kurangnya kerugian yang ditanggung oleh Lembaga Letrik Sabah telah dapat diturunkan dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu.

Dan kemungkinan sama ada tarif di Negeri Sabah dapat diturunkan, ingin saya maklumkan bahawa tidak berapa tahun yang lalu tarif untuk tiga kategori sama ada domestik ataupun perniagaan atau perindustrian telah pun dapat diperturunkan oleh Lembaga tersebut dan memandangkan kepada tanggungjawab kewangan Lembaga pada hari ini maka Lembaga tidak bercadang untuk menurunkan tarif-tarif tersebut pada masa-masa hadapan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Padang Terap mengenai struktur kerja ataupun istilah yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat, command structure, di antara Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dengan Syarikat Telekom Malaysia.

Tuan Pengerusi, ingin saya maklumkan di sini bahawa Syarikat Telekom Malaysia adalah tertakluk kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berdasarkan kepada Akta, Telekomunikasi 1950. Syarikat tersebut juga tertakluk kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan kerana Kementerian kewangan adalah pemilik 100% kepada syarikat tersebut. Oleh kerana syarikat tersebut adalah tertakluk kepada kementerian Tenaga dan kepada Kerajaan Malaysia sebagai

pemegang saham maka ianya adalah bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat ini.

Tuan Pengerusi, secara spesifik dalam lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, ada syarat-syarat yang ditentukan supaya dapat dipenuhi oleh syarikat tersebut dan satu daripada syarat-syaratnya ialah sama ada syarikat tersebut boleh mengubah dengan sewenang-wenangnya sistem tarif ataupun apa juga bayaran yang dikenakan terhadap pengguna atau apa juga perniagaan selain daripada monopoli yang diberikan oleh Kementerian kepada syarikat-syarikat tersebut dari segi perkhidmatan telefon dan juga telex.

Selain daripada itu, Kementerian juga mempunyai kuasa untuk meluluskan apa jenis peralatan yang boleh digunakan oleh pengguna dan juga Syarikat Telekom Malaysia.

Tuan Pengerusi, syarikat tersebut dikendalikan dari segi polisi oleh Lembaganya sendiri dan Lembaga tersebut mempunyai wakil-wakil daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan. Dan saya percaya bahawa di dalam apa juga keputusan yang dibuat di peringkat syahkat dan juga Lembaganya maka ianya sewajarnya mengambil kira tentang perkara-perkara yang dapat disuarakan melalui Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Oan jika sekiranya ada soal-soal dasar yang tidak menepati dengan Kementerian-kementerian berkenaan maka sewajarnya Lembaga itu mengambil tindakan sewajarnya supaya ianya menepati dengan arahan-arahan yang dibuat oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai keupayaan kepakaran yang sewajarnya dimiliki oleh negara melalui kepakaran yang-ada di Lembaga Letrik Negara.

Adalah benar bahawa lebih kurang 1,000 ahli profesional di peringkat teknikal yang mempunyai kelayakan yang tinggi di Lembaga Letrik Negara dan di dalam projek-projek yang besar-besar adalah didapati bahawa kepakaran yang digunakan hingga kini amalannya adalah untuk mendapatkan daripada sumber-sumber luar.

Oleh yang demikian, satu langkah yang perlu dibuat oleh pihak Lembaga Letrik Negara ialah untuk mewujudkan satu sumber rundingan daripada Lembaga Letrik Negara itu sendiri supaya dapat diwujudkan kekuatan kepakaran sama ada kepakaran itu di peringkat untuk penjaan elektrik ataupun untuk menyampaikan elektrik ataupun membahagikan tenaga elektrik itu. Dan kita mengharapkan sekiranya wujud kekuatan kepakaran di dalam Lembaga Letrik Negara itu ianya akan dapat mengurangkan kos dari segi rundingannya. Oleh yang demikian, kita juga dapat menentukan apakah jenis-jenis barang yang diperlukan untuk sama ada penjaan ataupun bidang-bidang yang lain kerana apa juga keputusan dan rumusan yang dibuat oleh pihak perunding, ianya menentukan apakah jenis alat, apakah jenis teknologi ataupun apakah jenis bahan bakar yang akan digunakan akhirnya dalam pembekalan tenaga elektrik itu.

Tuan Pengerusi, jadi langkah yang sewajarnya dibuat ialah untuk pihak Lembaga Letrik Negara sesungguhnya membuat satu usaha yang teratur semoga dapat mewujudkan in house consultancy, bukan sahaja untuk keperluan kita pada masa ini dan pada masa-masa yang akan datang dan saya menjangka untuk kita menggunakan kepakaran tersebut untuk kita gunakan di luar negeri kalau sekiranya kepakaran tersebut dapat diterima di pasaran antarabangsa.

Dan saya merasa yakin itu adalah bukan satu kemungkinan yang begitu

jauh untuk kita capai berdasarkan kepada keupayaan yang ada, bukan sahaja dari segi bilangan yang ada tetapi dari segi keupayaan profesional yang ada di Lembaga tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mini hydro yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap. Dalam ingatan saya ada lebih kurang 82 projek yang telah dicadangkan, hingga kini 22 projek perintis yang telah dilaksanakan dan daripada 22 projek perintis, 4 yang boleh dikatakan gagal, yang lain, Alhamdulillah, telah berjaya. Dan berdasarkan kepada 18 projek perintis yang berjaya pada tahun ini, pada tahun 1987, lebih kurang 16 lagi projek peringkat kedua yang sedang dilaksanakan. Dan ini adalah satu bidang di mana berdasarkan kepada pengalaman sebanyak 22 projek dan ditambah dengan 16 projek sekurang-kurangnya kepakaran kita dalam mini hydro telah wujud di dalam Lembaga Letrik Negara.

Mengenai permintaan Ahli Yang Berhormat tentang berapa ramai keluarga yang telah menikmati daripada sumber mini hydro dan di negeri-negeri mana, saya tidak mendapat maklumat secara terperinci, saya akan cuba menyampaikan kepada Ahli Yang Berhormat di luar Dewan ini.

Perkara yang lain yang penting yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap ialah mengenai sumber-sumber tenaga yang lain yang disebutkan ialah petai belalang sebagai contoh.

Tuan Pengerusi, pada hari ini kita telah dapat mewujudkan satu kombinasi bahan bakar untuk bekalan elektrik daripada sumber hydro daripada gas dan juga daripada minyak. Dan kita hendak pastikan bahawa kombinasi sumber-sumber yang saya sebutkan tadi bukan sahaja memastikan bahawa kita tidak terdedah kepada perubahan harga

sumber-sumber tersebut di peringkat antarabangsa bahkan kita hendak memastikan bahawa dalam jangka masa yang panjang nanti kita dapat menurunkan kos penjanaan dan bekalan elektrik di negara kita ini supaya tarif yang dikenakan kepada pengguna di semua kategori dapat diturunkan.

Selain daripada cadangan Ahli Yang Berhormat mengenai bahan api daripada sumber kayu, pihak Kementerian juga sedang menyelidik sejauh mana sumber-sumber seperti sumber solar ataupun daripada sumber geothermal akan dapat digunakan sepenuhnya berdasarkan kepada kewujudan sumber-sumber tersebut di negara kita ini. Dalam soal ini perlu ditekan bahawa penyelidikan dan pembangunan perlu ditingkatkan dan di bidang ini pihak Kementerian bersama-sama dengan Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan di Lembaga Letrik Negara sedang berusaha untuk membentuk langkah-langkah yang seterusnya supaya penyelidikan ke arah penggunaan sumber-sumber yang ada di negara kita ini diteruskan, bukan sekadar di peringkat Lembaga Letrik Negara sahaja tetapi untuk berganding bahu dengan institusi-institusi penyelidikan yang ada di negara kita ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Sabah sebagai contoh di kawasan seperti Tawau ataupun Semporna ada kemungkinan untuk kita menggunakan sumber geothermal yang wujud di kawasan tersebut dan pada minggu yang lalu satu persetujuan telah dibuat melalui satu perundingan supaya kita mendapatkan pengalaman dan bekalan teknologi daripada negara-negara jiran, terutamanya daripada Filipina dan juga Indonesia dan kebelakangan ini daripada Thailand supaya dapat membantu kita pada peringkat awal mengesan peta di kawasan-kawasan tersebut potensi geothermal, kemudian untuk kita menggunakan satu projek perintis

supaya dapat membekalkan elektrik secara kecil dahulu daripada sumber geothermal. Itu adalah di antara usaha untuk kita mempelbagaikan sumber-sumber penjanaan elektrik di negara kita ini.

Akhirnya Ahli Yang Berhormat membangkitkan tentang soal bahan-bahan untuk pemasangan kemudahan elektrik di negara kita ini. Adalah diakui bahawa kebelakangan ini ada masalah wujud untuk menyempurnakan projek bekalan elektrik. Pada satu ketika kita menghadapi masalah bekalan meter yang dikatakan berkurangan sangat dan saya pernah menyebut dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa pada hari ini lebih kurang 14,000 rumah yang dibekalkan dengan tenaga elektrik tetapi tidak mempunyai meter. Selain daripada meter, saya juga dimaklumkan bahawa ada lagi bahan-bahan lain yang tidak mencukupi, ada projek-projek luar bandar di negeri-negeri lain yang tertangguh kerana tidak cukup bahan-bahan yang lain. Oleh yang demikian, pihak Kementerian sedang menyelidik supaya dapat membuat kepastian, yang pertamanya supaya sistem inventory yang ada di Lembaga Letrik Negara itu dapat menampung keperluan berdasarkan kepada projek-projek yang dilaksanakan untuk satu-satu tahun. Saya dimaklumkan pada satu ketika dahulu inventory bahan-bahan bekalan elektrik di Lembaga Letrik Negara adalah begitu besar sekali dari segi jumlah barangnya dan juga dari segi nilai barang yang disimpan dalam stok mereka. Ini adalah satu suasana yang tidak wajar kerana menanggung stok yang begitu tinggi. Oleh yang demikian, pihak Lembaga telah mengurangkan stok tersebut tetapi dikurangkan secara menyeluruh sebegitu rupa wujud masalah bekalan bahan yang tertentu.

Saya harap berdasarkan kepada pengalaman tersebut maka satu sistem stok ataupun inventory yang lebih

semasa dapat diwujudkan di Lembaga Letrik Negara ini secepat mungkin dan seterusnya kita hendak memastikan supaya proses pentadbiran di Lembaga Letrik Negara dapat diperbaiki supaya masalah bekalan bahan ini tidak wujud lebih daripada yang patut kerana saya pun sedia maklum bahawa kalau sekiranya peruntukan sudah ada dan masyarakat luar bandar khususnya menunggu-nunggu tahun hingga kini dan apabila projek itu tertangguh, maka adalah satu kedudukan yang tidak munasabah untuk diterima oleh masyarakat lebih daripada had masa yang tertentu.

Mengenai soal meter, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa bekalan yang terakhir ini begitu rupa semoga pihak Lembaga Letrik Negara mendapat kesempatan untuk mendapat bekalan daripada berbagai sumber. Misalnya, daripada bekalan-bekalan yang ditentukan maka meter-meter bukan sahaja daripada Great Britain bahkan daripada Perancis, daripada Yugoslavia, daripada Hungary dan satu-duanya bahkan dibuat di Indonesia adalah merupakan sebahagian daripada bekalan-bekalan yang dipesan oleh pihak Lembaga Letrik Negara untuk tahun 1988 ini. Satu daripada sebabnya ialah untuk pihak Lembaga mendapat kesempatan untuk menguji dalam masa setahun ini tentang kewibawaan meter-meter tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau mengenai kebimbangannya tentang akibat daripada usaha kita menggunakan alam semula jadi ke arah meningkatkan penjaan elektrik di negara kita ini. Sebagai contoh, saya ingin mengambil kes hidro elektrik di Hulu Terengganu di mana wujud satu kontroversi sama ada perlu kita tenggelamkan lebih banyak kawasan di Hulu Terengganu untuk menambah bekalan elektrik untuk Semenanjung

ini. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa dalam perancangan ke arah ini semua aspek akan diambil kira, bukan sahaja dari segi kos dan faedah, dari segi ekonominya akan dikaji dengan sebaik-baiknya apakah kesan dari segi ekologi terhadap alam semula jadi dan juga kesan sosio masyarakat tempatan dan apabila dikaji kesemuanya, maka pihak Kerajaan akan membuat keputusan sama ada meneruskan projek-projek yang membawa implikasi terhadap ekologi negara kita.

Saya bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau dan juga dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap mengenai mempelbagaikan bahan-bahan bakar. Itu sebabnya kita memastikan bahawa penjaan elektrik yang ada di negara kita ini sebegitu rupa supaya ianya boleh diubahsuaikan, bukan sahaja boleh menggunakan minyak sebagai bahan bakar bahkan kita hendak pastikan apabila saluran gas akan sampai ke sebelah Barat ini, power station yang wujud di sebelah barat ini boleh juga menggunakan gas sebagai bahan bakarnya.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan soal sekam, ini merupakan satu daripada usaha negara-negara yang sedang membangun supaya dapat mengoptimalkan penggunaan bahan-bahan bakar yang ada di kawasan luar bandar dan ini adalah satu usaha bukan sahaja terhadap di negara kita ini bahkan satu usaha bekerjasama di antara negara-negara yang membangun yang mempunyai masalah yang sama,

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi mengenai membekalkan perkhidmatan telefon ke kawasan setingan. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, di sini tertakluk kepada apa yang diminta oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri

dan kita perlu menyelaraskan dari segi dasar pembangunan kawasan-kawasan setinggan. Kalau sekiranya latuan diberi oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri, maka pihak Syarikat Telekom Malaysia dan pihak Kementerian tidak akan teragak-agak untuk menyampaikan bekalan-bekalan tersebut.

Walaupun begitu; kita bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkenaan sama ada di peringkat Kerajaan Tempatan ataupun Kerajaan Negeri tentang dasar mereka mengenai pembangunan kawasan setinggan. Walaupun bersama-sama merasakan keperluan tersebut oleh masyarakat setinggan, bukan sahaja dari segi keperluan untuk perhubungan antara mereka, bahkan juga untuk membangunkan apa juga kegiatan ekonomi di dalam masyarakat setinggan yang memerlukan perhubungan melalui telefon.

Tuan Pengerusi, saya harap saya telah dapat menyentuh semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya mengakhiri jawapan saya dengan ucapan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang membina untuk diambilkira oleh pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$43,125,900 untuk Maksud B.51 dan \$10 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$43,125,900 untuk Maksud B.51 dan \$10 untuk Maksud B.52 dipehntahkan jadi sebahagian daripada Jadual,

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$34,531,740 yang disebutkan dalam Maksud B.51 dan \$10 untuk Maksud P.52 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$34,531,740 untuk Maksud B.51 dan \$10 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1988.

Maksud B.53 (Jadual) ~

Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.53 dan P.53 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tasek Gelugor.

5.43 ptg.

Tuan Mohamed Yusoff bin Abdul Latiff (Tasek Gelugor): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bercakap pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 00100 di bawah tajuk Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, mukasurat 235.

Tuan Pengerusi, kita semua merasa bangga apabila Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan rumah kanak-kanak sistem pondok di Terengganu, mengadakan pusat pemulihan pengemis di Slim River dan berbagai perkhidmatan kepada orang cacat dan lain-lain. Ini semua menunjukkan bahawa Kementerian ini membuat kebajikan kepada orang-orang yang memerlukan dan juga kepada orang-orang yang kurang

bernasib baik dan ini amatlah wajar dengan nama yang telah diletakkan kepada Kementerian ini sebagai Kementerian Kebajikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin membuat satu cadangan kepada Kementerian Kebajikan ini iaitu supaya menubuhkan rumah orang tua-tua yang beragama Islam sistem pondok. Tuan Pengerusi, kebetulan di dalam kawasan saya sendiri ada satu tempat pengajian yang dikenali sebagai pondok iaitu Pondok Pokok Sena, Seberang Perai Utara di dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

Tempat itu, Tuan Pengerusi, sudah begitu lama terkenal di seluruh negara sebagai tempat pengajian agama yang telah diasaskan sejak 40 tahun yang lalu dan di sinilah tempat yang telah banyak mengeluarkan orang-orang alim yang menjadi guru-guru agama seperti kadi-kadi dan pegawai-pegawai agama di seluruh negara dan sehingga sekarang ini sekolah ini masih berfungsi sebagai sekolah agama rakyat yang terkemuka di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, di samping sekolah yang ada itu, ada satu ruang belajar agama untuk orang tua-tua yang lelaki dan perempuan menurut sistem pondok secara tradisi lama iaitu dengan membaca kitab-kitab agama oleh tuan-tuan guru yang ada di situ yang dikhususkan kepada orang tua-tua di luar sistem persekolahan yang sedia ada. Kita semua maklum bahawa sebahagian besar daripada orang tua-tua kita yang beragama Islam, setelah mereka mencapai umur bersara iaitu sesudah meningkat umur 60an ke atas, maka mereka akan merasakan bahawa hidupnya sudah hampir tamat dan akan menghabiskan saki-baki umurnya dengan beribadat kepada Tuhan. Sebab itu kita lihat akhir-akhir ini ramai orang tua-tua terutamanya perempuan telah pergi ke tempat yang saya sebutkan tadi dengan menduduki pondok-pondok kecil untuk bersama-

sama hadir belajar agama secara pondok tadi dan berpeluang bersembahyang berjemaah dan meningkatkan kefahaman tentang agama dan dapat menumpukan seluruh baki hidup mereka untuk beribadat kepada Allah.

Saya yakin, Tuan Pengerusi, kalau Kementerian Kebajikan bersedia mengambil tanggungjawab perkara ini akan mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat Islam dan ini bukanlah di satu tempat sahaja boleh dibuat, bahkan di merata-rata negeri yang ada sekolah pondok seperti ini.

Tuan Pengerusi, kita semua maklum bahawa orang tua-tua yang bukan Islam kalau kita lihat mereka sanggup dihantar ke rumah orang tua-tua yang sedia ada, tetapi bagi orang tua-tua yang beragama Islam nampaknya mereka tidak sanggup tinggal di situ, kecuali yang benar-benar tak ada waris. Kalau yang ada waris atau yang ada anak-anak, maka anak-anak mereka tidak sanggup melepaskan ibubapa mereka pergi ke situ. Tetapi mereka sanggup melepaskan ibubapa mereka ke pondok-pondok yang saya sebutkan tadi untuk belajar agama dan mendalami pelajaran agama dan menghabiskan umur mereka di situ. Sebab itulah saya kemukakan cadangan ini kepada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, di dalam zaman pembangunan yang pesat ini ramai orang yang tidak bernasib baik. Ramai keluarga yang miskin yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Maka dalam keadaan yang begitu ada pula yang mempunyai ramai anak dan yang mempunyai keluarga yang besar. Di sinilah saya dapati ramai ibu-ibu yang telah tua berpindah pergi mencari tempat-tempat di sekolah-sekolah agama seperti pondok yang saya sebutkan tadi. Maka di situlah mereka tinggal dengan dibekalkan dengan sedikit wang, beras atau gula oleh keluarga mereka dan tinggal di pondok yang kecil itu dengan tujuan

hendak menghabiskan sisa-sisa umur mereka dengan sepenuh-penuhnya beribadat kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala, di samping mendalami ilmu-ilmu agama yang diajar di situ dan dapat beribadat secara beramai-ramai. Inilah yang sesuai sekali dengan umur mereka.

Apa yang menyedihkan ialah bagi orang tua-tua yang tidak mampu yang datang daripada keluarga yang begitu miskin, terpaksa pula menumpang rakan-rakan yang lain yang datang duduk di situ dengan tujuan yang sama. Hal seperti inilah yang mendorong saya mengemukakan cadangan saya ini untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat sebagai satu projek baru di bawah Kementerian ini.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Besi.

5.50ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 02000, muka surat 233 Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan; Program 020200 Perkhidmatan Orang Cacat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru Kerajaan supaya memperkenalkan undang-undang untuk melindungi orang-orang cacat dengan tujuan untuk melindungi hak mereka sebagai warganegara dalam bidang-bidang pendidikan, pekerjaan, perumahan, pengangkutan, kemudahan awam dan lain-lain.

Saya merasa bahawa apa yang Kerajaan telah buat untuk orang-orang cacat setakat ini begitu kecil dan lembab. Sebenarnya banyak masalah yang dihadapi oleh orang cacat telah dilupakan selama ini. Barangkali itulah sebabnya pemikiran yang lama menjiwai kita terhadap orang cacat telah menyebabkan Kerajaan dan

orang ramai merasai orang-orang cacat hanya patut tinggal di rumah atau dalam rumah kebajikan sahaja. Tidak ada percubaan penting telah dibuat untuk meringankan masalah orang-orang cacat dalam masyarakat. Kerajaan setakat ini hanya memberi janji-janji untuk menolong orang cacat selain dari kerap menulis kenyataan dalam akhbar, tidak ada rancangan konkrit untuk membantu mereka. Saya berharap Kerajaan patut memperbetulkan sikap negatif ini terhadap orang cacat,

Jika Kerajaan berfikir bahawa untuk membelanjakan wang bagi orang cacat yang merupakan satu jumlah kecil sahaja dalam jumlah penduduk negara adalah tidak bijak berbuat demikian dari sudut ekonomi, maka ianya merupakan satu yang malang dan tidak patut.

Saya ingin menyeru dan mengingatkan semula Kerajaan bahawa orang-orang cacat bukanlah sekumpulan orang yang tidak berguna kepada masyarakat. Mereka boleh menjadi warganegara yang berguna, yang boleh menyumbang kepada kemajuan negara.

Izinkan saya berkata di sini kecacatan bukanlah satu dosa tetapi kurang bernasib baik sahaja. Adalah satu tanggungjawab Kerajaan memberi perhatian mengenai masalah kebajikan mereka, pendidikan, pekerjaan dan lain-lain. Apa yang orang cacat pinta ialah bukan hak istimewa tetapi kesaksamaan dalam s buah masyarakat yang mana setiap orang adalah sama dan penting.

Tuan Pengerusi, saya juga suka mengingatkan Kerajaan supaya jangan lupa semasa menyambut Tahun Antarabangsa Bagi Orang-orang Cacat 1981 anjuran Bangsa-bangsa Bersatu. Bangsa-bangsa Bersatu telah menyeru ahli-ahlinya supaya memben peluang bagi orang-orang cacat dalam negara masing-masing untuk memainkan peranan penyertaan yang lebih besar dalam pembangunan negara dan

masyarakat mereka. Ini bermakna bahawa orang cacat terpaksa diberikan peluang dan hak mereka untuk membangunkan kebolehan dan potensi mereka sepenuh kemampuan. Bangsa-bangsa Bersatu juga merujuk kepada Piagam Hak Asasi Manusia yang ditandatangani oleh negara-negara anggota. Menerusi piagam ini negara-negara di dunia berjanji untuk menghormati semua manusia dalam negara masing-masing dengan memberi layanan yang adil, penuh hormat tanpa mengira kaum, warna kulit, kepercayaan atau agama. Orang cacat seperti kaum-kaum minoriti dan masyarakat minoriti tentulah bukan kumpulan yang memberikan faedah dan hak mereka perlulah diberikan perhatian juga jika mereka ingin maju bersama-sama dengan masyarakat lainnya.

Berbalik kepada perkara ini, inilah masanya bagi kita mempunyai satu set undang-undang yang baik meliputi semua hal yang berkaitan dengan pendidikan, latihan vokasional, pekerjaan, perumahan, pengangkutan, bangunan awam dan galakan cukai dan lain-lainnya. Seruan ini dibuat selaras dengan usaha membantu orang cacat seperti manusia sihat dan biasa lainnya bagi membolehkan mereka menikmati hasil pembangunan dan kemajuan masyarakat.

Mengenai pendidikan, beberapa buah sekolah telah dibuka untuk orang buta, pekak dan terencat akal dan ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan orang cacat yang ramai. Saya mencadangkan sekolah-sekolah seumpama ini ditubuhkan dalam setiap negeri. Bagi kecacatan anggota, walaupun mereka tidak memerlukan sekolah khas dan latihan khas seperti sekolah biasa tetapi sekolah-sekolah mereka patut dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi seperti memberikan mereka bilik darjah di tingkat bawah, anak tangga ditukarkan menjadi tangga curam yang licin,

tempat-tempat pemegang yang diletakkan di dinding bilik air.

Peluang-peluang pelajaran bagi orang-orang cacat hendaklah diperluaskan. Adalah dukacita dinyatakan di sini setengah-setengah universiti pernah menolak tawaran tempat bagi pelajar-pelajar buta yang layak. Bagi yang cacat penglihatan terdapat hanya 5 buah institusi sahaja yang memberikan latihan vokasional. Jika dikumpulkan mereka semua hanya menempatkan lebih kurang 400 pelatih yang dianggap jumlahnya terlalu kecil yang memalukan berbanding dengan besarnya masalah ini.

Mengenai pekerjaan pula, adalah sangat sukar bagi seseorang cacat untuk mencari pekerjaan. Sikap negatif yang terdapat di dalam jiwa masyarakat dengan memandang rendah orang cacat dan enggan menerima mereka bekerja masih berakar umbi. Inilah sebab mengapa orang cacat melakukan kerja-kerja seperti operator telefon sahaja.

Saya berpendapat bahawa haruslah ada satu undang-undang untuk mengarahkan setengah-setengah syarikat patut memperuntukkan kuota pekerjaan untuk orang-orang cacat. Bagi galakan syarikat swasta yang mengambil pekerja orang cacat sebagai sebahagian tenaga pekerja mereka, Kerajaan patut memberikan mereka pengurangan cukai khas atau insentif yang lain. Tentulah sebagai majikan yang terbesar di negara ini Kerajaan patut menjadi contoh untuk memberikan seberapa banyak kerja yang boleh dalam perkhidmatan awam bagi orang-orang cacat. Di samping itu perlulah juga pengecualian cukai diberikan ke atas pendapatan orang cacat.

Mengenai perumahan dan bangunan awam, reka bentuk rumah dan bangunan awam tidak mengambil kira keadaan orang-orang cacat.

Akibat kekurangan kemudahan ini kebanyakan bangunan ini tidak mudah sampai kepada orang-orang cacat.

Memandangkan hakikat bahawa kesemua orang cacat adalah golongan berpendapatan rendah maka pendapatan mereka hanya membolehkan mereka membeli rumah-rumah kos rendah. Saya harap patut diadakan peruntukan beberapa unit rumah kos rendah. Saya harap patut diadakan peruntukan beberapa unit rumah kos rendah yang dilengkapkan dengan kemudahan khusus bagi orang cacat dalam semua projek perumahan oleh Kerajaan atau pemaju swasta.

Bagi rumah pangsa berbilang tingkat, rumah-rumah yang diperuntukan bagi orang cacat hendaklah ditingkat bawah bagi kemudahan mereka. Tuan Pengerusi, orang-orang cacat hendaklah juga diberikan kadar faedah yang rendah ke atas permohonan pinjaman perumahan.

Berkenaan pengangkutan awam, reka bentuk jalan hendaklah mempunyai kemudahan dan keselamatan bagi orang cacat. Teksi-teksi tidak patut menolak penumpang-penumpang cacat kerana mereka sukar menaiki bas. Bayaran tambang teksi pada kadar tertentu patut diberikan kepada orang cacat juga. Bagi bangunan berbilang tingkat, butang lif patutlah direndahkan lagi kepada satu ketinggian yang sesuai bagi orang cacat.

Mengenai pelepasan cukai, duti import untuk pelbagai alat sokongan, patutlah dikecualikan seperti kerusi roda, alat pendengaran dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, sebelum saya menutup ucapan saya, saya suka memajukan dua cadangan seperti berikut:

- (1) Adalah perlu bagi Kementerian menjalankan pendaftaran wajib semua orang cacat. Tanpa data

yang comprehensive adalah sukar bagi merumus program yang dirangka untuk menyerap orang-orang cacat ke dalam kancah masyarakat.

- (2) Terdapat satu keperluan usaha bersatu Kerajaan untuk mendidik orang ramai dengan tujuan untuk memecahkan tembok kelalaian, prasangka dan sikap negatif.

Saluran penting tentulah media-massa. Satu lagi saluran ialah sekolah-sekolah. Guru patut memasukkan dalam pengajaran mereka kesedaran membantu dan mengambil tahu orang-orang cacat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit dalam perbincangan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat, Maksud B.53, mukasurat 233, Butiran 020000, Perkhidmatan Pencegahan dan Pemulihan dan izinkan juga dimasukkan Program 020300, Perkhidmatan Akhlak.

Tuan Pengerusi, di Kuala Lumpur ini dan juga di pekan-pekan besar kita sering melihat keadaan orang-orang tua yang bercumpang-camping dan juga gila yang berjalan ke hulu ke hilir, kadangkala mereka ini ada yang tidak malu-malu kerana mereka gila kemungkinan, pakaian yang bolch menampakkan benda-benda sulit mereka sendiri.

Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menolong mereka ini dan saya rasa mereka ini tidak begitu ramai supaya pihak Kementerian mengambil dan memasukkan mereka ke rumah-rumah orang gila ataupun ke rumah-rumah

kebajikan orang tua-tua dan sebagainya tanpa membiarkan mereka itu berjalan ke hulu atau ke hilir dan juga kadangkala sebagaimana yang saya sebut tadi malu kepada kita memandangkan kadangkala mereka buang air kecil julur sana, julur sini; begitu juga membuang air besar dan sebagainya. Pernah saya lihat benda-benda ini berlaku di Kuala Lumpur.

Begitu juga peminta-peminta sedekah. Peminta sedekah juga bergelimpangan, terutamanya hari Jumaat kita lihat di masjid-masjid begitu banyak peminta-peminta sedekah. Kanak-kanak kadangkala anak-anak mendukung adeknya sendiri untuk meminta sedekah. Kadangkala mengikut-ikut, tidak sampai hati kita untuk memberi, beri juga 10 sen, 20 sen, selepas itu nampak kita, ada yang belakang lagi menurut hendak minta sama. Dalam keadaan ini saya mengharapkan kerana negara kita ini negara membangun dan rasa saya dalam keadaan negara kita penuh dengan anika makanan dan seterusnya begitu senang, saya rasa tidak perlu kita tidak melihatkan keadaan peminta-peminta sedekah ini berkeliaran dipandang oleh pelancong-pelancong dari luar negeri yang mana kadangkala kita boleh bandingkan juga macam di India umpamanya kita beri seorang, mengikut ramai peminta sedekah lagi. Oleh itu, untuk mengelakkan perkara-perkara ini berlaku, pihak Kementerian sepatutnya mengambil inisiatif ataupun daya usaha supaya mereka ini dapat ditangkap ataupun ditempatkan di tempat-tempat khas yang ada dalam negara kita begitu banyak tiap-tiap negeri dan juga di Kuala Lumpur ini sendiri.

Soal lainnya ialah soal akhlak. Soal akhlak juga kita lihat di Kuala Lumpur di pekan-pekan besar pemuda-pemudi sekarang ini berkeliaran dengan pakaian cumpang-camping dan seterusnya yang begitu menunjukkan

kelakuan tidak baik. Ini juga untuk membusukkan nama kita sendiri.

Di samping itu, pelacuran. Pelacuran-pelacuran yang begitu banyak, lebih-lebih lagi kita lihat dalam suratkhbar berbagai-bagai tangkapan yang dilakukan, selepas ditangkap kita tidak tahu apa lagi akan jadi. Mereka itu balik ke tempat yang asal. Oleh itu, kita mengharapakan Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya wanita-wanita ini, seperti yang selalu kita dengar dalam suratkhbar bahawa wanita-wanita kampung terpedaya oleh gelagat orang-orang pekan yang mengatakan mencari kerja untuk mereka, tetapi apabila sampai di pekan-pekan besar dan di Kuala Lumpur seterusnya mereka diberkas menjadi pelacur. Di samping itu, ibu-ibu ayam pula, apa yang kita dengar dalam suratkhbar, mereka ini tidak dibenarkan keluar. Kalau keluar akan diambil tindakan dan akan sebagainya dicoreng muka dan sebagainya ataupun dibinasakan ataupun divederakan kepada mereka itu dengan ada penjaga-penjaga.

Dalam masalah ini kita mengharapkan Kerajaan supaya mengambil daya-usaha penuh supaya orang-orang yang menjadi ibu ayam ataupun bapa ayam dibawa ke tengah, mereka ini diberi hukuman, kalau boleh ditangkap dengan denda yang banyak. Kalau menghisap dadah dengan hukuman gantung, kemungkinan mereka ini juga boleh dihukum gantung kerana merosakkan akhlak wanita-wanita khususnya di kampung-kampung yang banyak kita dengar perkara-perkara seumpama ini. Dalam keadaan ini, kita harap juga pihak Kerajaan, pihak Polis dan juga pihak Jabatan Agama Islam kepada orang-orang Islam sendiri, anak-anak dara ataupun anak-anak daripada kampung ini yang telah sendiri, anak-anak dara ataupun anak-anak daripada kampung ini yang telah terjerumus dalam lembah kehinaan ini supaya pihak Kebajikan Masyarakat

dapat membawa mereka ini di nunah akhlak supaya diajar dengan ajaran-ajaran agama dan mereka ini dipulangkan balik kepada masyarakat agar mereka ini patuh dan tidak lagi mengulangi kerja-kerja yang seumpama ini.

Soal rumah urut yang ada di Kuala Lumpur dan di pekan-pekan besar. Saya rasa senang sahaja ubatnya. Kepada rumah-rumah urut yang setahu ini yang banyaknya rumah-rumah urut ataupun rumah-rumah persundalan ini yang kita dengar, yang saya dapat tahu, ialah tempat-tempat persundalan haram, rumah-rumah batu, rumah banglow dan seterusnya, yang kita dengar, supaya kalau benar perkara ini berlaku, satu sahaja, minta pihak Kerajaan, Dewan Bandaraya ataupun pihak Majlis Tempatan ataupun LLN supaya memotong perkhidmatan telefon, air dan apinya sendiri. Lepas itu, rasa saya mereka akan tutuplah tempat itu. Dengan usaha-usaha ini, lama kelamaan kemungkinan perkara-perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Rasa saya itulah pandangan saya berhubung dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat ini untuk mengelakkan perkara negara kita ini jangan menjadi negara yang dipandang oleh orang luar, negara tempat bersuka-suka untuk melepaskan hawa dan nafsu dan di samping itu juga mencemarkan negara kita ini. Negara kita adalah negara Islam, oleh itu kita mengharapkan supaya negara ini tidak terlibat dalam perkara-perkara maksiat dan perkara-perkara yang lain yang mencemar negara kita ini. Itulah sahaja pandangan saya berhubung dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Dengan ini, saya sukacita juga bersama-sama menyokong peruntukan yang telah diumumkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani,

6.05 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismilaahirahmaanirahim. Tuan Pengerusi, saya akan kemukakan sedikit sahaja iaitu berkenaan dengan Butiran 010000 Perkhidmatan Sokongan iaitu kursus bagi gadis-gadis dari luar bandar yang datangnya bekerja dengan kilang-kilang di bandar-bandar sama ada bandar besar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya atau di bandar-bandar kecil. Gadis-gadis ini datang dari kampung yang tidak mengetahui latar belakang peristiwa-peristiwa, perkara-perkara ganjil yang berlaku dalam bandar. Mereka ini cukup mudah ditipu oleh orang-orang tertentu maka mereka pun tertipu dengan berbagai-bagai cara yang dilakukan oleh orang-orang yang saya sebutkan itu.

Di sini saya mencadangkan kepada Kementerian supaya dapat bekerjasama dengan pihak kilang-kilang menyusun tempat tinggal mereka. Tetapi cadangan ini mestilah datang daripada Kementerian kepada pertubuhan sukarela ataupun kepada pihak kilang-kilang itu sendiri menyusun dan mendapatkan tempat tinggal yang tertentu secara beramai-ramai supaya dapat dikawal dan dapat dijaga.

Kita amat sedar bahawa apabila anak-anak gadis itu keluar daripada rumah dan keluarganya daripada kampung dengan keadaan yang terkongkong, apabila datang ke bandar-bandar mereka sudah bebas lepas. Bukan itu sahaja, ada anak-anak muda di dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan yang saya fikir tidak perlu saya sebut bidang pekerjaan itu, tetapi memang ramai yang datang keluar masuk terutamanya di taman-taman perumahan yang tidak ramai

orang-orang Islam kerana di taman-taman yang terdapat ramai-ramai orang Islam, mereka agak takut untuk berbuat demikian mungkin kerana takut terjebak dengan pegawai pencegah maksiat tetapi bagi tempat-tempat tinggal yang terpencil yang tidak ramai orang-orang Islam, selalunya berlaku keadaan seumpama ini, malah terdapat beberapa ramai.

Saya mengambii contoh di Sungai Petani. Di Sungai Petani ada satu kawasan Industrial Estate di situ dan ramai anak-anak gadis dari Sik, daripada Baling, daripada Kulim merata-rata datang ke Sungai Petani dan mereka tinggal berselerak di taman-taman perumahan di sekitar Industrial Estate ini dan di rumah-rumah yang berhampiran dengan orang-orang Islam, telah berlaku berbagai-bagai perkara. Penangkapan khalwat juga telah dilakukan oleh Jabatan Agama sehinggakan maklumat yang saya dapat daripada Jabatan Agama bahawa pihak Jabatan Agama dengan tangkapan-tangkapan yang telah dilakukan mungkin dua tiga tahun bicara tidak habis. Jadi, tiap-tiap malam tangkap. Saya rasa tidak akan selesai masalah ini dengan tangkapan.

Masalahnya ialah masalah tempat tinggal mereka, kebebasan mereka. Jadi kalau kita boleh jamin tempat tinggal mereka, kalau sekiranya mereka hendak berkawan dan mereka hendak kahwin, kita tolong kahwinkan mereka. Jadi, dengan cara yang demikian terselamatlah anak-anak gadis kita dari kampung itu terjebak akhirnya dengan pelacuran dan akan membebaskan kita dan membebaskan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Satu lagi perkara yang saya ingin sebutkan di sini ialah mengenai bencana alam. Bencana alam ini memang banyak, satu di antaranya ialah terbakar, banjir dan lain-lain lagi. Tetapi saya lihat, saya tidak

berapa jelas sama ada bantuan itu diselaraskan atau tidak, tetapi bantuan yang diberi kepada bencana alam yang menghadapi kebakaran, saya fikir agak terlalu sedikit dan pihak Jabatan atau Kementerian tidak menimbang banyak dan sedikitnya kerugian yang dihadapi oleh mangsa-mangsa berkenaan, asalkan dia mendapat kemalangan, rumahnya terbakar umpamanya, maka diberi bantuan sama ada \$500 atau sebagainya tanpa mengira tentang kerugian-kerugian yang dihadapi oleh mangsa-mangsa tersebut.

Ini adalah berbeza sekali keadaannya di kampung-kampung dengan keadaan-keadaan yang berlaku dalam bandar. Kalau sekiranya berlaku bencana alam dalam bandar, sama ada terbakar atau banjir, maka sumber kewangan dan bantuan itu datang terlalu banyak, datang dari bank, datang dari suratkhbar, pungut di sana; pungut di sini, derma di sana; derma di sini, ada pesta di Stadium Merdeka. Tetapi kalau kemalangan ini berlaku di kampung-kampung, siapa pun tidak tahu, kadang-kadang dibiarkan begitu sahaja dan kadang-kadang diberitahu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat di bandar tentu adalah pegawai-pegawai itu membuat lawatan, pergi melihat dan kadang-kadang tidak pun. Kalau yang secara sedikit-sedikit itu tidak pun diberitahu kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jadi, ini saya rasa patut kita mengambii perhatian supaya kita dapat memberi nasihat dan cadangan kepada institusi-institusi yang selalu mengeluarkan derma supaya menumpukan pandangannya kepada luar bandar dan ini juga saya memuji dan menyokong dengan Tabung Bencana Alam yang diperkenalkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat dan saya rasa kalau boleh Tabung ini diisi sepenuh-penuhnya dari dermawan-dermawan di negara

kita supaya dapat membantu orang-orang yang malang terutamanya di kawasan luar bandar.

Dengan ini saya menyokong peruntukan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

6.14 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 233, Maksud Bekalan B.53, Butiran 010000 Perkhidmatan Sokongan.

Kementerian Kebajikan Masyarakat telah memberi bantuan bulanan kepada orang tua-tua dan juga kepada orang yang miskin tidak kurang daripada 150,000 orang di negara kita. Ini saya ucapkan syabas kepada Kementerian ini yang mengambil berat kepada orang-orang yang kurang bernasib baik, yang tidak mendapat pendapatan yang begitu baik dan sebagainya. Tetapi apa yang ingin saya nyatakan di sini kadangkala pemberian itu kalau kira tidak cukup memang tidak cukup, tetapi kadangkala ada di antara mereka yang mendapat bantuan ini merayu melalui Wakil-wakil Rakyat supaya dapat ditambah lagi pemberian bulanan mereka. Ini perlulah Kementerian ini menimbangkan dari semasa ke semasa mengikut kemampuan.

Selain daripada itu, Kementerian Kebajikan Masyarakat selalunya memberi bantuan ini ialah kepada mereka yang telah memberi aduan tentang kedudukan mereka. Tetapi saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri bekerjasama dengan ketua-ketua kampung dan sebagainya memohon bantian daripada penduduk-penduduk yang tidak bernasib baik yang kita perlu memberikan bantuan. Maka saya percaya ramai lagi di antara

mereka yang sepatutnya mendapat bantuan telah tidak diberi bantuan kerana kita tidak mengetahui bilangan sebenarnya. Jadi, perlulah kita mendapatkan bantian yang sepuuh dan kita akan memberi bantuan kepada mereka yang sedemikian rupa.

Selain daripada itu, saya ingin berpindah kepada Butiran 020000 di bawah Program 020100 Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak.

Ini saya ingin menyentuh kanak-kanak. Saya percaya ini mungkin termasuk anak-anak yatim dan sebagainya.

Saya suka menyentuh dari segi masa hadapan kanak-kanak ini kerana kebanyakan kanak-kanak yatim mereka mempunyai anggota yang baik, kadangkala pemikiran yang cergas. Maka perlulah Kementerian ini memberikan perhatian yang berat berhubung dengan pelajaran mereka. Saya percaya kalau kita mengaturkan perancangan yang baik bagi memberikan pelajaran kepada mereka, sudah barang tentu mereka ini akan menjadi manusia yang berguna bukan sahaja daripada segi anggotanya tetapi dari segi pelajarannya. Apabila mereka telah mendapat pelajaran yang baik, sudah barang tentu mereka akan mendapat pekerjaan yang baik dan sebagainya.

Jadi, saya ingin mengetahui apakah perancangan yang Kementerian buat berhubung dengan kanak-kanak ini dan apakah ekoran ataupun penyelidikan ataupun kajian lanjut yang telah kita buat. Adakah kita mengikut jejak kanak-kanak ini apabila mereka telah dewasa? Apakah mereka ini telah menjadi manusia yang berguna dan mendapat tempat yang baik beserta dengan orang-orang lain? Kerana kita perlu memberi perhatian yang berat kepada mereka ini sebab mereka ini mahu hidup serupa kita juga.

Kemudian saya suka pindah kepada Butiran 020200 Perkhidmatan Orang Cacat.

Baru-baru ini kita kedengaran bahawa pihak Menteri Kebajikan sendiri telah menyarankan bahawa mungkin ada rancangan orang-orang cacat ini akan diletakkan di rancangan-rancangan tanah. Saya amat bersetuju tetapi dalam usaha hendak menempatkan mereka ini kenalah kita mengkaji sebaik-baiknya apakah rancangan tanah, jenis manakah yang kita akan letakkan ataupun kita membuat satu rancangan tanah yang berasingan. Kalau sekiranya orang cacat ini diberikan rancangan tanah tanaman kelapa sawit, ini memanglah amat berat, bukannya mudah untuk menerang dan untuk membersihkan kawasan kelapa sawit, untuk mengambil buah dan sebagainya. Ini mungkin orang yang tidak cacat pun kadang-kadang rasa ini berat. Saya inginlah mencadangkan supaya kita menentukan satu rancangan tertentu, mungkin tanaman yang sesuai, mungkin koko, sayur-sayuran dan sebagainya. Ini adalah sesuai dengan mereka bagi orang-orang yang cacat tetapi kalau sekiranya kerja-kerja berat seperti getah, kelapa sawit, sudah barang tentu akan memberatkan lagi kepada mereka, sudah barang tentu kita takut rancangan yang kita laksanakan itu tidak berjaya. Jadi, perlulah Kementerian yang berkenaan membuat perancangan yang terperinci, yang sesuai, yang boleh diusahakan oleh orang-orang cacat. Walau bagaimanapun, usaha ini memanglah baik sebab kita memberi peluang kepada mereka bukan sahaja dalam bidang perindustrian, kita juga memberikan peluang dalam bidang pertanian dan sebagainya.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tampin.

6.20 ptg.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab (Tampin): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada mukasurat 233 iaitu Aktiviti 001000 Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Saya nampak bahawa butiran ini adalah mengandungi semua Rumah Kanak-kanak.

Saya ingin menyentuh tentang Rumah Kanak-kanak dan Rumah Anak-anak Yatim. Kita berbangga bahawa Kerajaan ada memberikan pandangan terhadap anak-anak yatim yang kurang bernasib baik dan telah disebutkan tadi mereka perlukan pertolongan Kerajaan dan dermawan-dermawan. Perkara menjalankan atau menempatkan anak-anak yatim dalam rumah-rumah anak-anak yatim ini begitu berjalan baik dalam keadaan ekonomi negara baik empat, lima tahun dahulu. Kita dapati bahawa ramai dermawan-dermawan, orang-orang peniaga memberi pertolongan sama ada wang ringgit dan juga makanan. Tetapi kita dapati bahawa apabila negara kita mengalami kemelesetan ekonomi dan ramai yang dahulunya dermawan-dermawan yang boleh membantu, sekarang ini mereka tidak lagi berupaya berbuat demikian. Terdapatlah serba kekurangan di beberapa buah rumah anak-anak yatim.

Saya ingin merujuk kepada Rumah Anak Yatim Ulu Gadong yang ada dalam kawasan saya. Di masa empat, lima tahun yang lalu saya ketahui bahawa ramai dermawan-dermawan Islam yang menghantar wang ringgit, ada yang menghantarkan makanan tiap-tiap bulan dan ada pula yang menghantarkan pakaian apabila menyambut Hari Raya umpamanya. Tidak banyak masalah yang timbul. Tetapi kebelakangan ini, saya dapati bahawa ada terdapat kekurangan. Yang menyedihkan sekali ialah kekurangan makanan.

Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan supaya memberikan perhatian yang lebih berat. Kita belum lagi menyebut tentang keistimewaan ataupun permainan yang ada di situ. Yang kita sebut hanyalah bahan-bahan yang asas sahaja, beras misalnya tidak cukup dan berbagai-bagai lagi. Yang paling menyedihkan ialah apabila sampai bulan puasa, makanan tidak ada, ke mana mereka hendak pergi? Mereka tahu bahawa kalau pun tidak diberi tahu dengan radio ataupun membaca surat khabar, mereka mendengar bahawa ramai kanak-kanak yang lain dapat menerima bermacam-macam kalau tinggal dengan keluarga-baju baru, kasut baru, tetapi apa yang terdapat di sana sungguh menyedihkan. Mereka tidak dapat membeli apa-apa dan tidak ada ke mana hendak pergi. Malah ada yang menyambut Hari Raya, walaupun mereka masih kecil, tetapi sudah sedar akan untung nasib mereka bahawa mereka adalah golongan orang yang betul-betul tidak bernasib baik.

Saya mengharapkan Kementerian ini mengambil langkah yang lebih positif supaya mereka ini tidak ditinggalkan ataupun tersisih dari masyarakat yang lain. Kalau zaman kanak-kanak mereka telah menerima satu tekanan psikologi yang begitu mendalam, saya rasa usaha-usaha untuk membangunkan mereka di peringkat ataupun umur yang lebih lanjut adalah susah kerana terbenam segala, dengan izin, anti socialnya, segala anti establishment, segala pendapatan semuanya buruk kerana mereka adalah golongan yang tertekan. Jadi daripada kecilah kita jangan biarkan mereka mendapatkan pemikiran yang sedemikian rupa. Saya harap dalam masa bulan puasa yang akan datang, Kementerian dapatlah memberikan perhatian yang tebih tentang keadaan Rumah Anak Yatim ini.

Saya juga ingin menarik perhatian Kementerian supaya sambil memberi pertolongan kepada institusi-institusi yang demikian, patut juga Kementerian mengambil berat sedikit tentang perjalanan rumah-rumah itu sendiri. Janganlah dibiarkan Jawatankuasanya sahaja yang mengendalikan tetapi haruslah ada seorang wakil daripada Kementerian yang cuba memberikan tunjuk ajar. Sebelum sesuatunya berlaku eloklah dipandu Jawatankuasa-jawatankuasa ini supaya dapat mengembelikan usaha-usaha mereka untuk berikhtiar lebih bagi kepentingan anak-anak yatim.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil sedikit masa untuk Aktiviti 020300 Perkhidmatan Akhlak.

Memang Kementerian Kebajikan mengadakan tempat-tempat tertentu untuk memulihkan akhlak muda mudi yang telah tergelincir dari landasan normalnya dan daripada segi ini saya berterima kasih kerana ada sebuah rumah akhlak untuk memulihkan akhlak pemuda-pemudi di daerah Rembau.

Apa yang saya hendak sarankan di sini ialah semasa mereka ada di dalam rumah itu, sebenarnya orang ramai memang tidak dapat peluang hendak masuk, melainkan kebenaran tertentu sahaja. Tetapi terdapat laporan-laporan bahawa perjalanannya bukanlah begitu rigid ataupun tidak begitu teratur dalam mendidik mereka ini supaya mendapatkan akhlak yang baik. Sambil kita lalu-lalu di tempat-tempat itu terdapat mereka ini kurang terkawal iaitu cuba menarik perhatian orang-orang yang di luar daripada kawasan dan dengan kamberan yang ada, kita tahu bahawa dari dalam mereka tidak betul-betul terkawal kerana dengan kelepasan masa atau mungkin di masa bebas, mereka cuba berhubung dengan orang luar yang lalu lang.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak minta.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Sambunglah esok.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Minta maaf, saya habiskanlah. Tidak tentu, mungkin boleh datang. Kalau ada aral menghalang, saya tidak dapat datang pukul 2.30 esok, terima kasih.

Tidak apalah, Tuan Pengerusi. Apa yang mustahak sekali ialah apabila mereka keluar, mereka mengulangi apa yang telah biasa mereka buat.

Maknanya waktu dalam Pusat Pemulihan Akhlak ini tiada apa-apa yang mereka pelajari, bila keluar diulang juga apa yang biasa mereka buat.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasihlah dan oleh kerana masa sudah cukup, saya ingin menyokong Belanjawan yang dikemukakan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.

